

BAB KEDUA

KONSEP KAWALAN KUALITI DAN PENCEMARAN AIR MENURUT PERSPEKTIF PERUNDANGAN ISLAM

2.0 PENDAHULUAN

Islam merupakan sebuah agama yang mesra alam. Al-Quran sangat menekankan spiritual keagamaan dalam memelihara alam sekitar berbanding dengan ideologi antroposentris, sekularis dan ateistik yang mengeneipkan konsep saling berhubungan secara fungsional dan struktural antara alam sekitar, manusia dan Tuhannya.¹ Kajian juga mendapati bahawa undang-undang alam sekitar antarabangsa juga berasaskan kepada sumber-sumber keagamaan² terutamanya dari sumber-sumber perundangan Islam. Ini kerana sumber-sumber perundangannya banyak mengandungi modus operandi dan pendekatan yang komprehensif dan bersepadu terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta keseimbangan ekologi. Di samping itu, ianya menekankan aspek-aspek falsafah, etika dan estetika. Kesepaduan ilmu ini mendorong kepada pembentukan satu teori fiqh yang baru iaitu *fiqh al-bi'ah*³ yang semakin berkembang.

¹ Mujiyono Abdullah (2001), *op. cit.* hh. 221-222. Di Indonesia terma mesra alam dikenali sebagai ramah lingkungan. Maksudnya sama dengan konsep *environmental friendly*.

² Alexandre Kiss & Dinah Shelton (2004) *International Environmental Law*. New York: Transnational Publishers. 3rd Edition. hh. 11-12.

³ Terdapat banyak penulisan kontemporari yang mengupas teori fiqh baru iaitu fiqh al-Bi'ah. Lihat Malki Ahmad Nasir (2008) "Menggagas Fikih yang Ramah Lingkungan" (Kertas Kerja Seminar Fiqh dan Pemikiran Islam Lestari di Universiti Sains Malaysia, 29-30 Oktober 2008), h.177; Zahari b. Mahad Musa (2008) "Fiqh al-Bi'ah: Prinsip Pembangunan Komuniti dengan Alam Persekitaran yang Lestari" (Kertas Kerja Seminar Fiqh dan Pemikiran Islam Lestari di Universiti Sains Malaysia, 29-30 Oktober 2008), h. 75.

Salah satu komponen alam sekitar yang terpenting dan terbesar adalah air yang meliputi 72 peratus permukaan bumi.⁴ Keprihatinan Islam terhadap air bukan sahaja termaktub di dalam Al-Quran dan hadis-hadis tetapi telah dikodifikasi sebagai undang-undang yang berkuatkuasa. Di dalam Kod Undang-undang Sivil Islam pertama pada zaman empayar Turki *'Uthmaniyyah* iaitu *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah* juga memperuntukkan undang-undang berkaitan air. Peruntutannya meliputi aspek hak terhadap air, (*haq al-Syarb, haq al-Syafah, haq al-Masil dan haq al-Majra*), pemilikan dan perkongsian serta rezab air.⁵ Perkara ini membuktikan bahawa undang-undang air Islam sememangnya praktikal dan diiktiraf dalam menyelesaikan masalah-masalah berkaitan pengurusan air.

Walaupun, kajian ini berfokus kepada aspek kawalan kualiti air dan sekatannya dari pencemaran sahaja. Penulis akan mendalami pendekatan perundangan Islam secara menyeluruh, bukan sahaja mendalami undang-undang substantif dan metodologinya, tetapi meliputi aspek falsafah dan etika perundangan. Perlu ditekankan di sini bahawa perbincangan menjurus kepada aspek pemeliharaan air dari perspektif kelestarian alam sekitar sahaja. Hal ini kerana perbincangan air dalam perundangan Islam bukan sahaja tertumpu kepada aspek keseimbangan alam sekitar tetapi juga aspek ekonomi dan pembangunan. Justeru, adalah lebih baik untuk dihuraikan terlebih dahulu konsep alam sekitar menurut kaca mata Islam.

⁴ UN Water, http://www.unwater.org/statistics_res.html. 3 Januari 2010.

⁵ Rujuk Artikel 1144 sehingga 1291 *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah*.

2.1 KONSEP ALAM SEKITAR DALAM UNDANG-UNDANG ISLAM

2.1.1 DEFINISI DAN KONSEP.

Alam sekitar didefinisikan sebagai unsur-unsur fizikal di persekitaran manusia termasuk tanah, air, atmosfera, cuaca, bunyi, bau, rasa, unsur-unsur biologi haiwan dan tumbuhan serta unsur-unsur sosial yang estetika⁶. Terdapat pelbagai definisi lain kerana skop alam sekitar sangat luas dan pentakrifan bergantung kepada bidang pengajian masing-masing. Dalam pengajian sains alam sekitar yang menekankan metode empirikal lebih melihat alam sekitar sebagai suatu fenomena fizikal yang bertindakbalas antara juzuk-juzuk fizik, kimia, dan biologi⁷ termasuk fenomena berkorelasi dengan iklim dan cuaca sama ada biotik atau abiotik yang melingkungi sesuatu organisma.⁸ Berbeza dengan pengajian sains sosial yang melibatkan fenomena sosial seperti politik, ekonomi dan budaya sebagai alam sekitar⁹. Dalam pengajian geografi fizikal, istilah alam sekitar dilihat melalui pendekatan sistem iaitu suatu sistem bumi keseluruhan atau sfera yang mempunyai subsistem, seperti biosfera, atmosfera, hidrosfera, dan lain-lain¹⁰.

Apabila mengaitkan alam sekitar dengan aspek keagamaan, konsepnya tidak hanya kepada faktor fizikal dan sosial sahaja (*'alam musyahadah*) tetapi melibatkan faktor metafizik dan kerohanian kerana membabitkan kuasa ketuhanan.

⁶ Seksyen 2, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

⁷ Mohd Zuhdi Marsuki (2002), *op. cit.* hh. 47-49.

⁸ Ahmad Ismail & Asmida Ismail (2008), *Ekologi Air Tawar*. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2.

⁹ Mohd Zuhdi Marsuki (2002), *op. cit.*

¹⁰ Ibid.

Perkataan *العالم* dan *السموات والأرض* merupakan manifestasi alam sekitar yang mempunyai pengertian yang luas. Terminologi *al-'alam* meliputi semua spesies mencakupi langit, bumi, alam sekitar pada semua zaman dan generasi. Apa yang istimewanya adalah, pentafsirannya bukan sahaja berbentuk fizikal tetapi meliputi faktor masa iaitu merangkumi setiap zaman dan generasi. *Abu Ja'far* mentafsirkan perkataan *العالمين* dalam surah *al-Fatihah* ayat kedua bahawa alam meliputi manusia dan jin.¹¹ Dapatlah difahami bahawa manusia itu mewakili unsur fizikal manakala jin mewakili unsur metafizik. Setiap jenis makhluk dikira sebagai alam dan demikian juga setiap generasi bagi setiap zaman.¹² *Ibn 'Abbas* pula menyatakan bahawa ianya meliputi semua lapis langit dan bumi *السموات والأرضون* dan segala yang ada di dalamnya dan di antara keduanya sama ada diketahui atau tidak¹³. Definisi kedua ini lebih sinonim dengan konsep biosfera yang melihat alam ini antara dasar lautan dan ruang angkasa setinggi 15 kilometer yang difahami umum sebagai alam sekitar bagi manusia kerana bahagian inilah didiami makhluk hidup.¹⁴

Perkataan *al-sama'* turut digunapakai untuk maksud alam sekitar sama ada kata nama tunggal atau plural. Secara kuantitatifnya, *al-sama'* disebut sebanyak 387 kali di dalam al-Quran. Secara etimologi boleh diertikan sebagai yang tinggi dan secara

¹¹ Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad Ibn Jarir (1968) *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ayi al-Qur'an*. Juz. 1, Tab'ah.3. Mesir: Mat'ba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi. hh. 62-63.

¹² Ibid.

¹³ Ibid.

¹⁴ Dalilah Dali & Abu Bakar Yang (2007), *Alam Sekitar Augerah Tuhan*, Ed. Ke-3, h.8, Putrajaya: Jabatan Alam Sekitar.

terminologi bererti langit, ruang udara, angkasa dan ruang waktu.¹⁵ Bermakna, *al-sama'* mencakupi biosfera, litosfera dan statosfera. Maka, bolehlah dikatakan *al-sama'* sebagai alam sekitar kerana terminologi ini sebenarnya merangkumi atmosfera dan biosfera.

Begitu juga dengan perkataan *al-ard* atau bumi yang disebut sebanyak 463 kali di dalam al-Quran. Perkataan *al-ard* difahami sebagai planet bumi sama ada ketika dalam proses pembentukannya atau setelah lengkap kejadiannya. Juga difahami sebagai tanah, ruang tempat pelbagai organisma, tempat kehidupan manusia dan fenomena geologi.¹⁶ Berdasarkan ayat-ayat ini, secara semantikanya difahami bahawa *al-ard* adalah berkaitan suatu ekosistem, ekologi dan habitat. Perkataan yang tepat dan sinonim dengan istilah alam sekitar yang difahami umum di dalam al-Quran adalah *al-bi'ah*.¹⁷ Berdasarkan konsep di atas dapatlah diketahui komponen-komponen alam sekitar terdiri daripada bumi atau tanah,¹⁸ air,¹⁹ udara,²⁰ flora²¹ dan fauna.²²

¹⁵ Ibn Manzur (1883), *Lisan al-'Arab*. Mesir: Al-Matba'ah Al-Kubra Al-Amiriyyah. h. 234. Lihat Surah Al-Nahl (16):79, Surah Al-Baqarah (2): 220, 164, Surah Ibrahim (14): 24, Surah Al-Furqan (25):61, Surah Al-Hijr (15): 16.

¹⁶ Surah Al-Baqarah (2):164; 22, Surah Al-Ma'idah(5):21; Surah Al-A'raf (7):24, 100; Surah Ibrahim (14):14; Surah Al-Nahl (16):15; Surah Al-Hajj (22):5.

¹⁷ Surah Ali-'Imran (3):21; Surah Al-A'raf (7):74; Surah Yunus (10):93; Surah Yusuf (12):56, Surah Al-Nahl (16):41, Surah Al-'Ankabut (29):58.

¹⁸ Surah Hud (11): 61.

¹⁹ Surah Al-Mu'minun (23): 18-19.

²⁰ Surah Al-Rum (30): 46.

²¹ Surah Al-Ra'd (13): 4.

²² Surah Al-Mu'minun (23): 21-22.

2.1.2 EKOLOGI ISLAM

Cabang ilmu alam sekitar yang penting adalah ekologi yang menekankan aspek saling bergantung antara makhluk. Di dalam Islam, sistem kehidupan setiap makhluk yang saling bergantung ini dikenali sebagai *sunnatullah* (سنة الله) ini diciptakan Allah dengan penuh teliti sama ada secara kualitatif mahupun kuantitatif sebagai justifikasi kebenarannya.²³ Justeru, setiap tindakan yang mengubah atau merosakkan sistem ini sehingga berlakunya kemusnahan dianggap zalim kerana menyalahi *sunnatullah*.²⁴ Kesemua komponen alam sekitar yang dinyatakan di atas mempunyai korelasi antara satu sama lain dan saling memerlukan untuk terus hidup dan mengekalkan keseimbangan alam. Al-Quran berulang kali memberitahu agar manusia melestarikan keseimbangan dan tidak melanggar hukum alam.²⁵ Kajian hubungan timbal balik antara kesemua komponen alam sekitar dalam memastikan kelestarian keseimbangan alam ini dinamakan ekologi. Ianya mengkaji saling hubungan antara organisma dengan persekitaran dan di kalangan organisma itu sendiri²⁶ yang membincangkan tentang ekosistem dengan dua faktornya iaitu abiotik dan biotik. Faktor abiotik antara lain suhu, air, kelembapan, cahaya, dan topografi, sedangkan faktor biotik adalah makhluk hidup yang terdiri dari manusia, haiwan, tumbuhan, dan mikrob. Ekologi juga berhubungan erat dengan aras organisasi organisma seperti spesis, populasi, komuniti, ekosistem dan biosfera yang saling mempengaruhi dan

²³ Surah Al-Ahzab (33):62; Surah Yunus (10): 5.

²⁴ Zahari Mahad Musa (2008) "Fiqh al-Bi'ah: Prinsip Pembangunan Komuniti dengan Alam Persekitaran yang Lestari" (Kertas Kerja Prosiding Seminar Fiqh dan Pemikiran Islam Lestari, 29-30 Oktober 2008) hh. 78-81.

²⁵ Al-Hafiz B. A Masri (1992) "Islam and Ecology" dalam Fazlun Khalid & Joanne O'Brien (1992) *Islam and Ecology*. London: Cassel Publishers Ltd. hh. 7-9. Lihat Surah Al-Anbiya' (21):16-17; Surah Al-Rahman (55): 3-9, Surah Al-An'am (6): 6, 38; Surah Al-Ra'd (14): 19-20; Surah Al-Ahqaf (46): 3; Surah Al-Hijr (15): 85-86; Surah Al-Hajj (22): 18; Surah Al-Rum (30):41.

²⁶ Ahmad Ismail & Asmida Ismail (2008), *op. cit.* hh.2-4.

merupakan suatu sistem yang memanifestasikan kesatuan. Organisma hidup tidak wujud secara terasing secara individu mahupun berkumpulan. Semuanya berpasangan dan saling bertindak balas antara satu sama lain di kalangan spesis yang sama ataupun di kalangan spesis yang belainan dan turut saling bertindak dengan persekitaran fizikal dan kimia. Prinsip ekologi di atas telahpun dinyatakan dalam beberapa ayat di dalam al-Qu'ran yang menekankan konsep penciptaan makhluk berpasang-pasangan ini dan saling berinteraksi.²⁷

Setiap makhluk memainkan peranan dan memberikan sumbangan kepada keseimbangan ekologi dan membawa kepada suatu simbiosis kosmik (*takaful*).²⁸ Prinsip ekologi Islam bukan sahaja membincangkan hubungan atau tindak balas antara manusia dengan alam dan manusia dengan manusia malah yang lebih utama adalah hubungan manusia dengan Allah melalui konsep tauhid dalam perbincangan aqidah. Ini adalah kerana menjaga dan mengimarah alam ini adalah suatu amanah dari Allah kepada manusia sebagai khalifah dan menjaga alam ini juga merupakan satu cabang ibadat. Inilah yang dikatakan sebagai *حبل من الله وحبل من الناس*.

“Ditimpakan atas mereka kehinaan di manapun mereka berada kecuali pada hubungan dengan ALLAH dan hubungan dengan manusia. Dan pantaslah mereka pada kemarahan dari ALLAH dan ditimpakan atas mereka kemiskinan. Demikian karena mereka kafir pada Ayat-ayat ALLAH dan membunuh perkabaran-perkabaran tanpa hal logis. Demikian karena mereka menyanggah dan melanggar hukum”.

Surah Ali ‘Imran (3): 112

²⁷ Surah Al-Fath (38): 36; Surah Al-Najm (53): 49; Surah ‘Abasa (80): 8.

²⁸ Surah Al-Nisa’ (4): 190-191; Surah Al-Qamar (54):49.

Hubungan dengan Allah ialah hubungan internal melalui ketaatan pada hukumNya, kasih sayang terhadap-Nya melebihi yang lain, perasaan mengharap *mardatillah* dan nikmatNya di dunia dan di akhirat dan rasa *khawf* pada-Nya kerana keimanan. Manusia pula diciptakan sebagai sebahagian daripada kosmik kehidupan yang berperanan dan bertanggungjawab memenuhi keperluan dan melengkapinya antara satu sama lain. Hubungan dengan manusia ini merupakan suatu hubungan berbentuk eksternal dalam segala aspek kehidupan.

Dalam memahami konteks hubungan manusia dengan alam sekitar pula, Al-Quran menerangkan hubungan antara manusia dan alam sekitar berlaku melalui hubungan meditasi terhadap kejadian Allah, hubungan kepenggunaan sumber dan pembangunan bagi kepentingan dan kemajuan manusia. Hubungan penjagaan dan mentadbir bukan untuk manusia semata-mata tetapi terhadap makhluk kejadian Allah yang lain. Allah menganugerahkan manusia sebagai khalifah untuk mentadbir bumi dengan kebijaksanaan demi kebaikan manusia sejagat dan ihsan kepada makhluk lain, termasuk haiwan dan tumbuh-tumbuhan.²⁹ Ini bermakna, hubungan manusia dan alam terbahagi kepada dua iaitu hubungan yang bersifat internal dan satu lagi bersifat eksternal. Jadi antara hubungan internal menyentuh nilai kerohanian, etika dan moral manakala hubungan eksternal lebih bersifat fizikal dan material. Kedua-dua jenis hubungan ini mempunyai korelasi rapat. Kombinasi hubungan ini menjadi penentu segala kejayaan dunia akhirat kerana hukum yang diturunkan Allah memang universal dan terkandung dalam hukum yang komprehensif dalam kehidupan.

²⁹ Jefri Mohamed Yacob, "Memulihara Alam Sekitar Cabang Ibadat" dalam laman web Kementerian Keselamatan dalam Negeri-MOIS, [http://: www.mois.gov.my](http://www.mois.gov.my). 1 Mei 2009.

2.1.3 *FIQH AL-BI'AH*.

Kita dapati di dalam sumber perundangan Islam telah banyak menyentuh aspek pengurusan bijak alam sekitar yang akhirnya membawa kepada pembentukan *fiqh al-bi'ah*. Pembentukan *fiqh al-bi'ah* merupakan susunan semula perbincangan ulama' dan fuqaha' berkaitan alam sekitar yang telah dibincangkan di atas secara komprehensif misalnya topik *taharah, hima, harim, iqta', ihya' al-Mawat, ijarah, al-haramayn* dan *waqf*.³⁰ Prinsip-prinsip yang ditekankan dalam *fiqh al-bi'ah*, pertamanya; *I'mar* (اعمار) dan *Taskhir* (تسخير). Hubungan manusia dan alam sekitar didasari dengan usaha memakmurkan bumi yang dikenali sebagai *i'mar*.³¹ Semua makhluk yang diciptakan Allah bukan sia-sia malah suatu nikmat dan mempunyai manfaat tersendiri. Terminologi *taskhir* yang dinyatakan di dalam al-Quran sebagai suatu petunjuk kepada manusia bahawa setiap makhluk yang diciptakan boleh dimanfaatkan mengikut pelbagai situasi dan kondisi.³² Keduanya adalah tegahan terhadap pembaziran (اسراف و تبذير). Pembaziran dalam apa juga cara penggunaan sumber asli dilarang sama sekali kerana ia boleh menyebabkan ketidakseimbangan alam dan perubahan iklim. Maka, manusia mempunyai kewajipan untuk mengekalkan keharmonian dan keseimbangan supaya generasi akan datang dapat merasakan nikmat dan hikmah yang diberikan.³³

³⁰ Fadzlun M Khalid (2002), "Islam and the Environment" dalam Peter Timmerman, *Encyclopedia of Global Environmental Change*. Chichester: John Wiley & Sons, Ltd.

³¹ Surah al-Rum (30):9

³² Surah al- Al-Jathiyah(45: 13), Surah Luqman (31:20), Surah al-Nahl (16: 65-69), Surah Ibrahim (14: 32), Surah al- Nahl (16:14)

³³ Surah al-A'raf (7: 56), Surah al-An'am (6: 14).

2.2 KONSEP AIR SEBAGAI KOMPONEN ALAM SEKITAR

Menerusi perbincangan sebelum ini, dapatlah difahami bahawa alam sekitar mempunyai beberapa komponen utama seperti tanah, air, udara, flora dan fauna. Air merupakan komponen terbesar yang meliputi bumi ini. Sebanyak 1.4 bilion kilometer padu air terdapat di bumi ini yang mana 35 milion daripadanya adalah air tawar iaitu mewakili 2.5 peratus keseluruhannya. Namun, 70 peratus daripada air tawar itu terdapat dalam bentuk ais di kawasan artik dan antartik. Air tawar daripada sungai dan tasik hanya meliputi 0.3 peratus daripada keseluruhan air di bumi.³⁴

Air sangat penting kepada kesihatan manusia dan keseimbangan ekologi. United Nation mencadangkan setiap individu untuk mendapatkan sebanyak 20-50 liter air bersih sehari bagi aktiviti rutin seharian seperti minum, memasak dan pembersihan.³⁵ Air yang bersih bukan sahaja penting kepada manusia tetapi untuk semua biodiversiti. Tiga dekad yang lalu, populasi spesies biodiversiti ekologi air tawar merangkumi 2/3 daripada populasi ekosistem marin dan darat.³⁶ Implikasi kualiti air yang merosot kini menyebabkan biodiversiti terancam. Pengurusan air yang bersepadu juga sangat penting kerana kegagalan mengurus air boleh membawa kepada bencana alam seperti banjir kilat dan tanah runtuh.

³⁴ United Nation Water, http://www.unwater.org/statistics_res.html. 3 Mac 2010

³⁵ United Nation Water. *Op. cit.*

³⁶ Meena Palaniapan (2010), *Clearing the Water*. Nairobi: United Nation Environmental Programme. h. 28.

2.2.1 HIDROLOGI DAN SUMBER AIR SEMULAJADI

Di dalam al-Quran juga terdapat ayat-ayat berkaitan ilmu hidrologi sepertimana firman-firmanNya yang berbunyi:

وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً مُّبَدَّرًا فَنَسَكَّتَهُ فِي الْأَرْضِ طَرَبًا وَإِنَّا عَلَىٰ ذَهَابٍ بِهَا لَقَادِرُونَ

“Dan kami turunkan hujan dari langit dengan sukatan yang tertentu serta kami tempatkan ia tersimpan di bumi dan sesungguhnya Kami sudah tentu berkuasa melenyapkannya”,

Surah al-Mu'minun (23):18

اللَّهُ الَّذِي يُرْسِلُ الرِّيْحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا ۖ فَيُبْسِطُهُ فِي السَّمَاءِ ۖ كَيْفَ يَشَاءُ ۚ وَيَجْعَلُهُ كِسْفًا ۖ فَيَتْرَىٰ أَلْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خِلَالِهِ ۚ فَإِذَا أَصَابَ بِهِ مَن يَشَاءُ ۚ مِنْ عِبَادِهِ إِذَا هُمْ يَسْتَبْشِرُونَ

“Allah jualah yang menghantarkan angin lalu angin itu menggerakkan awan kemudian Allah menyebarkan awan itu di langit sebagaimana yang dikehendaknya dan menjadikannya berkelompok-kelompok lalu engkau melihat hujan keluar dari celah-celahnya”.

Surah al-Rum (30): 48

وَأَرْسَلْنَا الرِّيْحَ لَوَفِّحَ فَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً مُّبَدَّرًا فَنَسَقْنَاهُ لَكُمْ مَوَآءًا أَنْ تُمْسُقُوا لَهُ لِجَزَائِنَ

”Dan kami hantarkan angin sebagai pembawa air dan pemindah benih maka dengan itu kami menurunkan air dari langit kemudian kami berikan kamu meminumnya dan bukanlah kamu yang berkuasa menurunkannya atau (menyimpannya)”.

Surah al-Hijr (15): 22

Berkaitan sumber air pula, terdapat tujuh sumber air sama ada air dari bumi atau dari langit sepertimana kata-kata Abu Syuja³⁷ yang berbunyi:

المياه التي يجوز بها التطهير سبع مياه ماء السماء وماء البحر وماء النهر وماء البئر
وماء العين وماء الثلج وماء البرد

Terjemahannya: Air yang boleh digunakan untuk bersuci ada tujuh iaitu air hujan, air laut, air sungai, air perigi, air mata air, air salji dan embun.

Sumber-sumber air ini berdasarkan dalil-dalil naqli berikut. Ayat al-Qura yang mengharuskan penggunaan air hujan antaranya adalah:

وينزل عليكم من السماء ماء ليطهركم به

Surah al-Anfal (8): 11

Terjemahannya: Allah telah menurunkan kepadamu air dari langit untuk mensucikan dirimu.

Dalil yang membolehkannya bersuci dengan menggunakan air laut berdasarkan hadis berikut. Rasulullah s.a.w ditanya mengenai air laut. Rasulullah s.a.w bersabda:

هو الطهور ماؤه الحل ميتته

Terjemahannya: Laut itu suci airnya dan bangkai di dalamnya halal dimakan.³⁸

Bagi dalil yang mengharuskan bersuci dengan air perigi/ air bawah tanah/ air graviti dan seumpamanya adalah:

قالوا يا رسول الله إنك تتوضأ من بئر بضاعة وفيها ما ينجي الناس والحائى والجنب
فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم الماء طهور لا ينجسه شيء

Terjemahannya: Para sahabat mengajukan soalan kepada Rasulullah s.a.w: Ya Rasulullah, sesungguhnya engkau telah

³⁷ Taqiyuddin Abu Bakr (1994) *Kifayah al-Akhyar fi Halli Ghayah al-Ikhtisar*, j. 1. Damsyik: Dar al-Khayr. h. 11.

³⁸ Al-Tirmidhi, Abu Musa (2000) "Jami' al-Tirmidhi" dalam Salih 'Abd al-'Aziz (2000) *Mausu'ah al-Hadith al-Syarif, al-Kutub al-Sittah*. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tawzi'. h. 1638.

*berwuduk dengan air perigi Buda'ah, sedangkan perigi itu airnya telah digunakan untuk mencuci banyak orang, wanita haid, dan mereka yang berjunub. Maka Rasulullah s.a.w bersabda: Air itu suci dan menyucikan. Tiada sesuatupun yang menajiskan air itu.*³⁹

Bagi dalil yang mengharuskan penggunaan air salji dan embun untuk bersuci adalah bersandarkan kepada riwayat Abu Hurairah r.a: Abu Hurairah berkata: Rasulullah s.a.w apabila telah bertakbir untuk solat, sebelum membaca al-Fatihah beliau berhenti sejenak. Kemudian aku bertanya: Ya Rasulullah, apakah yang engkau baca? Rasulullah s.a.w menjawab “Aku membaca:

اللهم باعد بيني وبين خطاياي كما باعدت بين المشرق والمغرب اللهم نقني من خطاياي كما ينقى الثوب الأبيض من الدنس اللهم اغسلني من خطاياي بماء الثلج والبرد

Terjemahannya: “*Ya Allah, engkau jauhkanlah diriku dari kesalahan-kesalahan sebagaimana engkau telah menjauhkan barat dan timur. Ya Allah, Bersihkanlah diriku dari kesalahan-kesalahan seperti dibershkannya pakaian dari kotoran. Ya Allah, cucilah diriku dari kesalahan dengan ais dan embun*”⁴⁰

³⁹ Ibid., h. 1638.

⁴⁰ Taqiyuddin Abu Bakr (1994) *op. cit.* h. 15.

2.2.2 KEGUNAAN DAN PENGGUNAAN AIR

Di dalam al-Quran dan hadis telah diterangkan tentang kegunaan air kepada kehidupan dan kepentingannya dalam kelangsungan hidup semua makhluk dan keseimbangan ekosistem. Dalam memastikan kualiti air terkawal, Islam juga mengajar penganutnya tentang etika penggunaan air. Setiap individu muslim bertanggungjawab mengamalkan cara penggunaan air yang rasional dan saksama. Mufti Negeri Johor menyatakan air merupakan suatu nikmat menuju *hasanah* dunia dan *hasanah* akhirat yang perlu diurus dengan sebaik-baiknya kerana ia akan dipersoalkan di akhirat kelak.⁴¹ Sememangnya terdapat pelbagai kegunaan air yang menjadi mesej Allah kepada hambaNya.

Jadual 1

Kegunaan Air Menurut Perspektif Al-Quran

Bil.	Kegunaan Air	Surah
1.	Sebagai minuman manusia dan haiwan serta menyuburkan tumbuh-tumbuhan.	Surah Al-Nahl (16): 10 Surah Al-Waqi'ah
2.	Agen pembersihan fizikal (diri, pakaian dan tempat tinggal) dan rohani (dari gangguan syaitan).	Surah al-Muddathir(74): 4 Surah Al-Anfal (9): 11
3.	Menyuburkan alam, menghijaukan lanskap dan menyeimbangkan ekosistem.	Surah al-Nahl (16): 65 Surah al-Rum (30): 24 Surah al-Hajj (22): 63
4.	Sumber rezeki melalui aktiviti ekonomi seperti pertanian, penternekan dan perikanan	Surah al-Baqarah (2): 22 Surah al-Jathiyah (45): 12 Surah al-Ma'idah (5): 96
5.	Medium komunikasi antara wilayah dan antarabangsa	Surah al-Luqman (31):31
6.	Perkembangan ilmu pengetahuan.	Surah al-Mulk (67): 30

⁴¹ Nooh Gadot (2002) "Konsep Air dalam Islam" (Kertas Kerja Seminar Air Anugerah Tuhan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 16-17 Julai 2002), h. 2 dan h. 12.

Kegunaan air yang utama adalah sebagai minuman untuk semua makhluk demi kelestarian hidup. Firman-firman Allah:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً لَكُمْ مِنْهُ شَرَابٌ وَمِنْهُ شَجَرٌ فِيهِ تُسِيمُونَ

“Dialah yang menurunkan air dari langit, sebahagian daripadanya untuk minuman kamu dan sebahagian daripadanya menyebabkan tumbuhnya pohon-pohon (tumbuh-tumbuhan) untuk kamu melepaskan binatang ternakan memakannya”.

Surah Al-Nahl (16): 10

أَفَرَأَيْتُمُ الْمَاءَ الَّذِي تَشْرَبُونَ

“Selain dari itu, tidakkah kamu melihat akan air yang kamu minum?”

Surah al-Waqi'ah (56): 68

Air digunakan sebagai agen pembersihan. Air menjadi bahan penyuci utama untuk membersihkan najis sama ada najis hukmi seperti berjunub atau najis haqiqi seperti tahi dan air kencing yang terkena pada pakaian atau tempat tinggal. Umat Islam diwajibkan bersuci daripada najis *hukmi* dan *haqiqi* dengan air mutlak sebelum menunaikan solat fardu. Firman Allah:

وَتِيَابِكَ فَطَهِّرْ

Dan pakaianmu, maka hendaklah kamu bersihkan.

Surah al-Muddathir (74): 4

إِذْ يُعَشِّيكُمُ النُّعَاسَ أَمَنَةً مِنْهُ وَيُنزِلُ عَلَيْكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً لِيُطَهِّرَكُمْ بِهِ وَيُذْهِبَ عَنْكُمْ رِجْزَ الشَّيْطَانِ وَلِيَرْبِطَ عَلَى قُلُوبِكُمْ وَيُثَبِّتَ بِهِ الْأَقْدَامَ

(Ingatlah) ketika kamu diliputi oleh perasaan mengantuk sebagai suatu (pemberian) aman daripadanya (untuk menghapuskan kecemasan kamu). Dan (ingatlah ketika) Ia menurunkan kepada kamu hujan dari langit untuk menyucikan kamu dengannya dan menghapuskan dari kamu gangguan syaitan, dan juga untuk menguatkan hati kamu dan menetapkan dengannya pendirian (di medan perjuangan).

Surah Al-Anfal (9): 11

Kegunaan air juga dapat dilihat sebagai agen penyuburan dan kehijauan landskap serta keseimbangan ekologi. Firman-firman Allah berbunyi:

وَاللَّهُ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِقَوْمٍ
يَسْمَعُونَ

“Dan Allah telah menurunkan hujan dari langit, lalu Ia menghidupkan dengan air hujan itu akan bumi sesudah matinya. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda (yang membuktikan kebijaksanaan Allah) bagi kaum yang mendengar peringatan ini dan memahaminya”

Surah al-Nahl (16): 65

وَمِنْ آيَاتِهِ يُرِيكُمُ الْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنزِلُ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَيُحْيِي بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ
مَوْتِهَا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

“dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kebesaranNya dan kekuasaanNya, ia memperlihatkan kilat kepada kamu, untuk menakutkan (dari panahan petir) dan member harapan (dengan turunnya hujan), dan ia menurunkan hujan dari langit, lalu ia hidupkan bumi sesudah matinya dengan hujan itu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan bagi orang-orang yang menggunakan akal untuk memahaminya”

Surah al-Rum (30): 24

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَتُصْبِحُ الْأَرْضُ مُخْضَرَّةً إِنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ

“tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah menurunkan hujan dari langit, lalu menjadilah bumi ini hijau subur (dengan sebabnya). Sesungguhnya Allah amat halus serta lemah lembut (urusan tadbirnya), lagi amat mendalam pengetahuannya (akan hal ehwal sekalian makhluknya)”

Surah al-Hajj (22): 63

Air juga menjadi sumber rezeki dengan segala nikmat kekayaan yang menjadi sumber pencarian manusia daripada aktiviti pertanian dan penternakan. Ianya bersandarkan firman-firman Allah yang berbunyi:

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

“ Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan dan langit (serta isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya), dan diturunkannya air hujan dari langit, lalu dikeluarkannya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu, maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah sebarang sekutu padahal kamu semua mengetahui (bahawa Tuhan ialah tuhan yang esa).

Surah al-Baqarah (2): 22

وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ

“Demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu ia hidupan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta ia biakkan padanya pelbagai jenis binatang”

Surah al-Baqarah (2): 164

اللَّهُ الَّذِي سَخَّرَ لَكُمْ الْبَحْرَ لَتَجْرِيَ الْفُلُكُ فِيهِ بِأَمْرِهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

“Allah yang memudahkan laut bagi kegunaan kamu, supaya kapal-kapal berlayar padanya dengan perintah-Nya, dan supaya kamu mencari rezeki dari limpah kurniaNya dan supaya kamu bersyukur”

Surah al-Jathiyah (45): 12

أُحِلَّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ مَتَاعًا لَكُمْ وَلِلسَّيَّارَةِ وَحُرِّمَ عَلَيْكُمْ صَيْدُ الْبَرِّ مَا دُمْتُمْ حُرُمًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ

“Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut dan makanan yang didapati dari laut sebagai bekalan bagi kamu (untuk dinikmati kelzatannya) dan juga bagi orang-orang di dalam pelayaran”

Surah al-Ma'idah (5): 96

Selain itu, air juga berguna medium penghubung sama ada antara wilayah domestik mahupun antarabangsa.

أَلَمْ تَرَ أَنَّ الْفُلُكَ يَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِنِعْمَةِ اللَّهِ لِيُرِيَكُمْ مِنْ آيَاتِهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ
لِكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ

“Tidakkah engkau memerhatikan bahawasanya kapal-kapal barlayar dengan nikmat kurniaan Allah untuk memperlihatkan kepada kamu sebahagian tanda-tanda kemurahanNya? Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan dan bukti (untuk berfikir) bagi tiap-tiap (mukmin) yang tetap teguh pendiriannya lagi sentiasa bersyukur”

Surah Luqman (31): 31

Daripada ayat-ayat yang dinyatakan di atas, dapat juga ketahui prioriti yang perlu diberikan untuk mendapatkan air. Pertamanya adalah untuk kegunaan manusia, disusuli untuk kegunaan haiwan dan akhirnya untuk tujuan pertanian. Selain kegunaan air, ayat-ayat ini diselitkan juga dengan peringatan-peringatan supaya manusia berfikir dan mengkaji disebalik hikmah kejadian dan mensyukurinya. Senario ini juga memanasikan bahawa Allah menghubungkan manusia dengan air dalam bentuk fikiran dan ilmiah supaya manusia berfikir dan mengkaji tentang kegunaan dan kepentingannya.

Firman Allah:

قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَصْبَحَ مَاؤُكُمْ غَوْرًا فَمَنْ يَأْتِيكُمْ بِمَاءٍ مَعِينٍ

“Katakanlah lagi: “bagaimakan fikiran kamu jika sekiranya air kamu hilang lenyap (ditelan bumi) maka siapakah (selain Allah) yang dapat mendatangkan kepada kami air yang sentiasa terpancar mengalir?”

Surah al-Mulk (67): 30

Ianya sekaligus memberi inspirasi kepada manusia terhadap perkembangan ilmu dalam zaman berzaman terutamanya kehidupan globalisasi yang kompleks yang semakin

menghadapi krisis pencemaran air yang disebabkan perbuatan manusia tanpa berfikir panjang tentang impaknya.

Dari aspek penggunaan air pula terdapat banyak dalil naqli yang menyarankan amalan berjimat-cermat, menggunakan air secara perkongsian dan menggunakan air dengan berhemah tanpa mencemarkannya. Setiap hari umat Islam memerlukan sejumlah air untuk berwudu' dan mandi (mandi sunat atau wajib). Air diperlukan untuk membersihkan diri sebelum menunaikan ibadat seperti solat. Wuduk dan mandi yang diajarkan dalam Islam ini mengajar manusia supaya menjaga kebersihan kerana kebersihan alam sekitar bermula dengan kebersihan diri. Namun, walaupun kita perlu berwuduk lima kali sehari, bukanlah bermakna Islam mengajar untuk membazirkan air. Islam menekankan bersederhana iaitu tidak terlalu membazir dan tidak terlalu kedekut. Al-Bukhari telah meriwayatkan daripada Anas r.a: *"Adalah Nabi s.a.w berwuduk dengan satu cupak air"*.⁴² Cupak dalam hadis di atas ialah bekas empat segi yang tingginya lebih kurang 10 cm.⁴³ Berlebih-lebihan dalam menggunakan air atau terlalu sedikit sangat bertentangan dengan sunnah Nabi s.a.w dalam larangan umumnya dalam firmanNya: *"Dan janganlah kamu berlebih-lebihan, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang membazir"*.⁴⁴

Berlebih-lebihan (*israf*) ialah melebihi batas sederhana yang telah diketahui dan biasa digunakan. Abu Daud telah meriwayatkan, Nabi s.a.w bersabda: *"Sesungguhnya akan ada di kalangan umatku ini, satu kaum yang melampau ketika bersuci dan*

⁴² Al-Bukhari, (2000) "Sahih Bukhari", dalam Salih 'Abd al-'Aziz (2000) *Mausu'ah al-Hadith al-Syarif, al-Kutub al-Sittah*. Riyad: Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tawzi'. h. 19.

⁴³ Taqiyuddin Abu Bakr (1994) *op. cit.* h. 50.

⁴⁴ Surah al-A'raf (7): 31.

berdoa".⁴⁵ Disebabkan itu juga, makruh membasuh atau menyapu lebih daripada tiga kali basuhan atau sapuan yang yakin atau kurang daripada itu. Sabda Rasulullah s.a.w sebaik sahaja berwuduk dengan membasuh tiga kali: *"Demikianlah wuduk (yang sempurna dan dituntut). Barangsiapa yang menambah lebih daripada ini, atau kurang (daripadanya) maka sesungguhnya dia telah berlaku tidak baik dan zalim"*.⁴⁶

Berkaitan mandi pula al-Bukhari telah meriwayatkan daripada Jabir r.a: *"Dia telah ditanya tentang mandi, lalu dijawab: Nabi s.a.w mengambil tiga cebok air dengan dua tapak tangannya kemudian baginda mencurahkan di atas kepalanya kemudian ke seluruh jasadnya"*.⁴⁷

Imam Muslim meriwayatkan daripada Ummu Salamah r.ha: *"Dia bertanya Rasulullah s.a.w tentang mandi. Rasulullah s.a.w menjawab: Sesungguhnya memadailah kamu mencurahkan (air) di atas kepada kamu dengan tiga cebok kemudian kamu mencurahkan air ke atas (tubuh) kamu, maka kamu akan menjadi suci"*. Menurut hadis yang diriwayatkan daripada Maimunah r.ha:⁴⁸ *"Baginda membasuh kemaluan dan kekotoran yang mengenainya. Kemudian baginda berwuduk sebagaimana wuduk sembahyang. Kemudian baginda memasukkan jari-jarinya ke dalam air lalu menyelati pangkal-pangkal rambutnya. Kemudian baginda mencurahkan airnya di atas kepala sebanyak 3 cebok tangannya kemudian keseluruhan kulitnya"*.

⁴⁵ Abu Dawud (2000), "Sunan Abi Dawud" dalam Salih 'Abd al-'Aziz (2000) *Mausu'ah al-Hadith al-Syarif, al-Kutub al-Sittah*. Riyad: Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tawzi'. h. 1229.

⁴⁶ Ibid. h. 1231.

⁴⁷ Al-Bukhari, *op. cit.* hh. 22-23

⁴⁸ Ibid.

Daripada Anas r.a bahawa dia berkata:⁴⁹”*Adalah Nabi s.a.w mandi dengan menggunakan air antara satu gantang hingga lima gantang dan berwuduk dengan satu cupak*”.Daripada Jabir r.a:⁵⁰”*Dia telah ditanya tentang mandi, lalu dia berkata: Memadai bagi kamu menggunakan satu gantang air. Kata lelaki yang bertanya: Ia tidak mencukupi. Jawab Jabir: (Segantang air itu) adalah mencukupi untuk orang yang lebih banyak rambut daripada kamu dan lebih baik daripadanya (Nabi s.a.w)*”.

Selain itu, air dianggap sebagai instrumen sosial⁵¹. Justeru, prinsip asas penggunaannya juga menekankan aspek perkongsian dalam masyarakat. Rasulullah bersabda:

الناس شركاء في ثلاث: الماء والكلاء والنار

*Manusia berkongsi dalam tiga perkara, air, padang ragut dan api.*⁵²

Penggunaan air juga mestilah berteraskan kepada penggunaan yang lestari demi kesinambungan alam sekitar dan keseimbangan ekologi. Penggunaan yang berhemah adalah dengan tidak mencemarkan air dengan najis. Apatah lagi jika kuantitinya kurang yang akan menjadikan air itu tercemar. Daripada Jabir r.a daripada Nabi s.a.w:

أنه نهى أن يبال في الماء الراكد

*Baginda s.a.w melarang kencing dalam air (bertakung) tenang.*⁵³

⁴⁹ Ibid.

⁵⁰ Ibid.

⁵¹ Naser I. Faruqi (2001) “Islam and Water Management: Overview and Principles” dalam Naser I. Faruqi, e.d, (2001), *op.cit.*, h. 1.

⁵² Ibn Majah (2000) “Sunan Ibn Majah” dalam Salih ‘Abd al-‘Aziz (2000) *Mausu’ah al-Hadith al-Syarif, al-Kutub al-Sittah*. Riyad: Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tawzi’. h. 2625.

⁵³ Al-Bukhari, *op. cit.* h. 21.

Air yang tenang atau bertakung dilarang dicemari dengan najis. Fitrah manusia akan merasa jijik dengan air itu sekalipun air itu banyak dan najis itu tidak mengubah rasa, bau atau warnanya. Ataupun air itu akan dibuang begitu sahaja jika najis itu mengubahnya. Larangan ini juga termasuk air yang kurang dari dua kolah. Membuang air besar adalah lebih teruk keadaannya dan lebih utama larangannya. Larangan di sini adalah dengan makna makruh tetapi Imam Nawawi telah meriwayatkan bahawa ia memberi makna haram.⁵⁴

2.3 KONSEP-KONSEP PERUNDANGAN ISLAM BERKAITAN AIR

Di dalam perundangan Islam, terdapat beberapa konsep yang membincangkan tentang pengurusan air. Melalui konsep *taharah*, kita dapat mengetahui standard kualiti air dalam perundangan Islam dan mengetahui etika penggunaan air yang saksama dan rasional. Pendekatan ini jugalah yang ditekankan dalam undang-undang air antarabangsa melalui konsep *equitable utilization*. Di dalam perbincangan *haqq al-Irtifaq*, air diklasifikasikan mengikut hak pemilikan sama ada pemilikan awam atau persendirian. Di dalam perbincangan ini pula banyak menjurus kepada aspek kuantiti air (bekalan dan perkongsian air). Manakala melalui konsep *harim* dan *hima*, Islam menekankan aspek pemeliharaan dan pemuliharaan air.

Justeru, sub-topik ini akan menghuraikan satu-persatu konsep yang dinyatakan di atas. Namun, sebelum mengulas lanjut konsep-konsep berikut, adalah lebih baik untuk kita meninjau terlebih dahulu sejarah pengurusan air dalam sejarah ketamadunan Islam kerana

⁵⁴ Mustofa Al-Khin, *op. cit.*, h. 59.

kita akan dapat melihat bagaimana pemerintah Islam dapat menguruskan air dengan efisien sejak dahulu lagi berteraskan undang-undang Islam.

2.3.1 SEJARAH PENGURUSAN AIR DALAM TAMADUN ISLAM

Sesuatu tamadun didapati berkembang di kawasan yang mudah untuk memperolehi sumber air. Misalnya petempatan bandar pertama seperti Uruk, Eridu dan Ur yang muncul dalam sejarah tamadun manusia kira-kira 6000 tahun dahulu (4000 SM) di Mesopotamia dan Babylon telah dibina di lembah subur yang disaliri oleh Sungai Tigris dan Sungai Euphrates.⁵⁵ Begitu juga dengan tamadun Islam yang bersumberkan sungai-sungai besar seperti Nil, Djilah dan Furat yang menjadi sumber air kepada beberapa tali air. Adakalanya sungai-sungai ini kering kerana kemarau dan adakalanya melimpah ke darat menyebabkan banjir. Keadaan ini melahirkan pakar-pakar hidrologi Islam dalam mengatasi masalah ini.

Terdapat sebuah Nilometer di Sungai Nil yang dibina pada zaman Mutawakkil (Kerajaan ‘Abbasiyah). Nilometer ini yang digunakan untuk menyukat perubahan aras air sungai dengan masa masih berfungsi hingga kini. Malah, istilah arab untuk jurutera adalah ‘muhandis’ dari perkataan handasah yang bermaksud geometri. Seyyed Hossien Nasr menyatakan istilah ini berasal dari istilah Parsi ‘handazah’ yang bermaksud kira-mengira, sukar menyukat air dalam tali air (dan sungai).⁵⁶

Sistem empangan pula diaplikasi bagi dunia Islam yang tiada sungai besar. Kehebatan jurutera Islam begitu hebat kerana kebanyakannya masih berfungsi dan kukuh

⁵⁵ Haliza Abdul Rahman (2007) “Suatu Tinjauan Terhadap Isu Pencemaran Sungai Di Malaysia” (Kertas Kerja Persidangan Geografi 2007, Universiti Perguruan Sultan Idris, 8-9 September 2007) h. 2.

⁵⁶ Amir Hashim Mohd Kassim (1992), “Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Penggunaan Mutakhir untuk Perancangan dan Pembangunan Sumber Air” (Kertas Kerja Seminar Perancangan Sumber Air untuk Pembangunan yang Berdaya Tahan mengikut Perspektif Islam, 14-16 September 1992, Skudai, Johor Bahru) hh. 6-7.

walaupun dibuat daripada kelikir, pasir, batu-batan dan turap. Antara yang tertua di Afrika Utara seperti empangan di Bandar Qayrawan di Tunisia.⁵⁷ Pada zaman kerajaan ‘Umayyah sahaja, terdapat 15 loji air di bandaraya ini. Saluran air ini mengalir ke kawasan perumahan, perladangan, perkebunan dan sebagainya. Pada zaman pemerintahan Abdul Rahman III (932-961 M) air dari gunung Cordova ditadah dan disalur serta ditakung dalam loji air besar sebelum dibekalkan kepada pengguna. Di Parsi, jurutera hidrologi Islam mengadaptasi teknik dan pengalaman Rom dan Greek dalam membina sistem saluran air.

Selain, empangan, pada zaman *khulafa’ al-Rasyidin* terkenal dengan telaga air. Terdapat tiga jenis telaga. Pertama, telaga kerajaan yang digali oleh khalifah. Kedua, telaga yang digali oleh penduduk bandar atau kampung dan ketiganya telaga yang digali oleh individu pada tanahnya sendiri atau tanah orang lain dengan keizinan tuan punya tanah. Terdapat juga sistem tali air yang dibina untuk tujuan pengairan dan terusan digunakan untuk pengangkutan.⁵⁸ Terdapat dua jenis tali air pada zaman khalifah iaitu tali air negara yang digali sendiri oleh khalifah dan tali air persendirian. *Abu Yusuf* dalam kitab *al-Kharaj* menyatakan bahawa khalifah berkewajipan menggali, memperbaiki dan menyelenggara tali air daripada sungai-sungai untuk masalah awam. Pada zaman Khalifah ‘Umar r.a, beliau telah menubuhkan jabatan yang khusus untuk membina tali air, terusan dan empangan di kawasan taklukan Islam. Antara tali air yang masyhur seperti tali air Abu Musa, tali air Ma’qal ibn Yasar, tali air Sa’ad ibn ‘Umar dan tali air Amir al-

⁵⁷ Qayrawan merupakan ibu kota yang dibuka oleh pahlawan Islam ‘Uqbah ibn Nafi’ yang mendapat gelaran ‘city of cistern’ kerana kaya dengan air.

⁵⁸ Amir Hashim Mohd Kassim (1992), *op. cit.* hh. 7-8.

Mukminin.⁵⁹Selain itu, terdapat juga sistem pengairan di padang pasir yang dikenali sebagai ‘qanat’ yang dibina di bawah tanah.⁶⁰

Secara rangkumannya, pengurusan air dalam sejarah tamadun Islam ini menjurus kepada pengurusan kuantiti air seperti bekalan air dan pengairan untuk aktiviti pertanian dan kegunaan domestik. Hal ini kerana kebanyakan negara-negara di atas merupakan negara yang menerima taburan hujan yang rendah. Malah, pada ketika itu, masalah pencemaran tidak kritikal. Justeru, kita akan melihat bagaimana pula pandangan Islam terhadap kualiti air melalui konsep *taharah* yang menjadi isu yang belum selesai ketika ini.

2.3.2 KONSEPTAHARAH DAN NAJASAH

Taharah merupakan suatu konsep kesucian atau kebersihan iaitu bersih dari najis *haqiqi* iaitu *khathath* (kekotoran) atau najis *hukmi* iaitu *hadath*.⁶¹ *Taharah haqiqi* ialah suci tubuh badan, pakaian dan persekitaran daripada kotoran atau najis.⁶² *Taharah hukmi* pula ialah suci anggota wuduk daripada hadath kecil dan suci seluruh anggota zahir daripada *janabah*.⁶³ Perkataan *najrasah* adalah antonim *taharah*. Konsep *najrasah* ini boleh dihubungkan dengan konsep pencemaran. Air yang bernajis adalah air yang tercemar. Najis *haqiqi* seperti darah, air kencing dan tahi dan diklasifikasikan kepada *mukhaffafah*, *mutawasitah* dan *mughallazah*. Najis *hukmi* pula segala kekotoran yang menghalang keesahan solat. Apabila air tercemar dan dikategorikan sebagai *mutanajjis* dengan najis *haqiqi*, terdapat standard tentang cara yang menyucikan najis *haqiqi*. Terdapat beberapa

⁵⁹ Ibid., h. 10.

⁶⁰ Ibid., h. 9.

⁶¹ al-Zuhaily, Wahbah (1985) *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr. hh. 87-90.

⁶² Ibid.

⁶³ Ibid.

cara yang dibahaskan oleh fuqaha' pelbagai mazhab seperti menyucikan dengan air mutlak sekalipun *musta'mal*, cecair yang suci, menyental (*al-Dalk* dan *al-Hat*), menyapu, pengeringan dengan cahaya matahari, mengganyah, mengasing (*al-Taqwir*), *Istihalah*, samak, pembakaran, menimba (*al-Naz'ah*) dan sebagainya.⁶⁴ Kaedah-kaedah ini digunakan sehingga kini dalam proses perawatan di loji pengolahan kumbahan di Malaysia seperti yang dilakukan oleh Indah Water Konsurtium seperti penurasan, penyingkiran⁶⁵ (*al-Taqwir*) dan pengeringan serta *istihalah*.⁶⁶

Para fuqaha' juga membahaskan tentang cara penyucian najis *haqiqi* dengan menggunakan air. Pertamanya adalah dengan melihat kepada kadar bilangan basuhan.⁶⁷ Fuqaha' mazhab Hanafi mensyaratkan untuk membersihkan najis yang boleh dilihat mata kasar adalah dengan tiga basuhan. Ianya berdasarkan hadith yang bermaksud "Apabila seseorang di antara kamu bangun daripada tidurnya hendaklah dia membasuh tangannya sebanyak tiga kali". Ulama' Mazhab Syafi'i dan Hanbali berpendapat apa sahaja yang menjadi *mutanajjis (mughallazah)* kerana bersentuh dengan sedikit (air liur, air kencing, dan kesemua bahagian lembab atau bahagian kering apabila bersentuh dengan sesuatu yang lembab) daripada badan anjing atau babi, atau kacukan antara keduanya dengan binatang lain yang suci hendaklah dibasuh tujuh kali dan salah satu daripadanya dengan air bercampur tanah. Sabda Rasulullah s.a.w: "Dibasuh bekas yang dijilat anjing sebanyak tujuh kali, hendaklah basuhan pertamanya ataupun terakhirnya dengan menggunakan (air) tanah". Sebenarnya tidak disyaratkan membasuh dengan kadar basuhan tertentu kerana apa

⁶⁴ Ibid.

⁶⁵ Indah Water Konsurtium, http://www.iwk.com.my/b_sewerage-fact-01-03.htm, 10 Oktober 2009.

⁶⁶ Indah Water Konsurtium, <http://www.iwk.com.my/f-services.htm>, 10 Oktober 2009.

⁶⁷ al-Zuhaily, h. 153.

yang difahami adalah menghilangkan zatnya. Bilangan tujuh kali itu adalah bertujuan ibadat bukan kerana najis itu.⁶⁸

Bagi najis *mutawasitah* yang dapat dilihat, pembersihannya adalah dengan menghilangkan zatnya walaupun dengan sekali basuhan jika hilang bau, rasa dan warnanya. Jika tidak dapat dihapuskan kesan bau dan warnanya cukuplah sekadar air basuhannya menjadi jernih atau bersih kerana Rasulullah s.a.w bersabda kepada perempuan berhaid yang tidak menghapuskan kesan darahnya yang bermaksud: “memadailah kamu menggunakan air dan tidak menjejaskan apa-apa dengan kewujudan kesannya”. Antara cara lain termasuklah pemerahan terhadap sesuatu yang boleh diperah yang telah menyerap najis dengan banyak, mencurahkan atau menuangkan air ke atas najis, membersihkan bumi atau tanah dengan air yang banyak dan menyucikan dengan air yang mengalir.⁶⁹

Untuk mendalami aspek pengawalan kesucian air, terlebih dahulu kita perlu memahami pembahagian air mengikut tahap kesuciannya. Klasifikasi air ini sangat penting untuk difahami kerana dari sinilah kita dapat fahami terbitan konsep kualiti air dalam Islam yang akan menjadi perbincangan penting kajian ini. Aspek-aspek yang menjadi tumpuan adalah keadaan asal air itu dan faktor-faktor perubahan. Kita juga akan melihat faktor kuantiti air juga sangat penting bagi mengukur kualiti air. Menurut *Ibn Syuja'* klasifikasi air dikategorikan kepada empat.⁷⁰ Pertama; air yang suci dan menyucikan serta tidak makruh iaitu air mutlak (طاهر مطهر غير مكروه وهو الماء المطلق). Kedua; air yang suci dan

⁶⁸ Ibid. hh. 153-158.

⁶⁹ Ibid.

⁷⁰ Taqiyuddin Abi Bakr (2001) *Kifayat al-Akhyar fi Halli Ghayat al-Ikhtisar*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah. hh. 11-14. Lihat juga Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali Al-Syarbaji (2008) *Kitab Fikah Mazhab Syafie*. J. 1. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd. hh. 38-42.

menyucikan serta makruh iaitu air musyammas (وطاهر مطهر مكروه وهو الماء المشتم). Ketiga; air yang suci dan tidak boleh menyucikan iaitu air musta'mal (وطاهر غير مطهر وهو الماء المستعمل). Di bawah kategori ini terdapat juga air yang berubah sebab bercampur dengan sesuatu yang suci (والمتغير بما خالطه من الطاهرات). Dan keempat; air najis yang kemasukan benda najis dan air itu kurang dari dua kolah, atau ada dua kolah tetapi berubah (وماء نجس وهو الذي حلت فيه نجاسة وهو دون القلتين أو كان قلتين فتغير). Dr. *Yusuf al-Qaradawi* telah menghuraikan keempat-empat klasifikasi ini dengan lebih terperinci dengan menggunakan pendekatan perbandingan antara pelbagai mazhab utama. Terdapat juga penulis komtemporari yang hanya membahagikan air kepada tiga kategori utama sahaja. Shaukat Farooq dan Zafar I. Ansari membahagikan air kepada *tahir* (suci dan menyucikan), *tahir* (suci), dan *mutanajjis* (najis).⁷¹ Ianya tidaklah menafikan pembahagian air di atas. Cuma, pembahagian ini lebih ringkas dengan memasukkan kategori air mutlak dan *musyammas* dalam kategori yang sama iaitu suci dan menyucikan. Begitu juga seperti yang dirumuskan oleh Md Yunus Abdul Aziz dan Abdul Manan Ismail⁷² membahagikan air kepada *tahir*, *musta'mal* dan *mutanajjis*. Namun, sebenarnya setiap klasifikasi itu perlu dilihat secara

⁷¹ Shaukat Farooq & Zafar I. Ansari (1983) "Wastewater Reuse in Muslim Countries: An Islamic Perspective" dalam *Environmental Management*, Vol. 1, No. 2, hh. 119-123. New York: 1983 Springer-Verlag New York Inc.

⁷² Md Yunus Abd Aziz & Abdul Manan Ismail (2004), "New Water: Dari Aspek Hukum Syarak" dalam *Prosiding Diskusi Syariah dan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Malaysia. hh. 26-28.

terperinci agar dapat memahami perbedaannya dan dapat dibandingkan dengan indeks kualiti air.

Secara spesifik, klasifikasi air ini boleh dikategorikan kepada enam bahagian mengikut turutan dari paling berkualiti sehingga tercemar. Pertama; *Tahir/Mutlaq*, kedua; *Tahir/Musyammis*, ketiga; *Tahir/Musta'mal* yang sedikit, keempat; *Tahir/Musta'mal* yang banyak, kelima; *Mutanajjis* dengan air sedikit dan keenam; *Mutanajjis* dengan air banyak. Air Mutlak sifatnya *tahir* iaitu air yang suci dan menyucikan benda lain iaitu air yang turun dari langit atau dari bumi yang kekal keadaan asalnya, tidak berubah mana-mana sifatnya (bau, rasa dan warna). Para fuqaha' juga sependapat mengatakan bahawa semua perkara yang bercampur dengan air mutlak dan mengubah sifat air itu serta boleh dipisahkan atau pada kelazimannya tidak boleh dipisahkan dari air itu (lumut, tumbuhan air, tanah bersih, daun, dan ranting serta belum *musta'mal*) tidak menghilangkan sifat suci dan menyucikan.⁷³ Air Musyammis juga sifatnya *tahir* jika tidak bercampur najis dan boleh menyucikan. Tetapi mengikut pendapat yang paling sahih ianya makruh menggunakannya kerana boleh membawa mudarat kepada kesihatan.⁷⁴

Bagi kelas air *tahir* iaitu air yang suci tapi tidak menyucikan diklasifikasi kepada dua iaitu air *musta'mal* sedikit dan air *musta'mal* dengan kuantiti yang banyak. Air *musta'mal* tetap air yang suci tetapi telah bercampur dengan sesuatu yang bersih dan mengubah salah satu sifatnya. Air *musta'mal* yang sedikit iaitu kurang dari 10 kali 10 hasta (mazhab Hanafi) atau kurang dua kolah atau 195kg atau lebih kurang 270 liter (Mazhab Syafi'i dan Hanbali).⁷⁵ Cuma air ini tidak boleh digunakan untuk menyucikan najis hukmi

⁷³ al-Zuhaily, *op. cit.* hh. 113-114.

⁷⁴ Taqiyuddin Abi Bakr (2001) *op. cit.* h. 17..

⁷⁵ Al-Syarbini, Muhammad al-Khatib (1997) *Mughni Muhtaj*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Ma'rifah. h. 46.

melalui wuduk dan mandi junub. Air *musta'mal* yang banyak iaitu melebihi kuantiti di atas jika terkena najis dan tidak berubah sifatnya masih suci lagi menyucikan. Jika berubah salah satu sifatnya maka ianya *mutanajjis*. Air *musta'mal* yang dikumpulkan melebihi kuantiti di atas kembali menjadi air mutlak (*tahur*). Air yang tercemar (terkena najis) dan kuantitinya kurang dua kolah maka ia *mutanajjis*. Air yang sedikit tidak najis jika tidak mengubah salah satu sifatnya. Air yang kuantitinya melebihi dua kolah dan berubah salah satu sifatnya kerana bercampur dengan najis dikategorikan sebagai air *mutanajjis*.

Ringkasnya, terdapat standard yang jelas tentang kualiti air di bawah konsep *taharah*. Air diklasifikasikan kepada beberapa bahagian mengikut tahap kesuciannya daripada air suci dan menyucikan sehinggalah kepada air tercemar. Standard ini berdasarkan beberapa faktor utama iaitu air itu adalah suci selama mana tidak berubah salah satu daripada sifatnya iaitu bau, rasa dan warna. Kualiti air ini juga ditentukan oleh faktor kuantiti air itu. Sekiranya kuantiti air melebihi dua kolah, walaupun terdapat bahan pencemar, maka ianya dianggap bersih. Air yang mengalir juga menjadikan ianya suci dan menyucikan. Hukum air yang mengalir dan tidak mengalir berlainan.⁷⁶ Jika dimasukkan tangan yang bernajis ke dalamnya maka tidak menjadi *mutanajjis*.

Dalam usaha menetapkan standard kualiti air, pihak-pihak yang terlibat telah membuat keputusan berkaitan penggunaan air yang lebih bersifat politik dan saintifik.⁷⁷ Para saintis berperanan untuk memahami bagaimana sistem ini mampu membantu mengenalpasti sumber pencemaran. Para peguam alam sekitar dan pembuat polisi pula

⁷⁶ Ibid.

⁷⁷ United States (U.S) Environmental Protection Agency, <http://www.epa.gov/waterscience/standards/about/rev.htm>, 5 September 2009.

cuba mendefinisikan dan menggubal perundangan bagi memastikan air sentiasa berada dalam keadaan yang sesuai untuk pelbagai kegunaan. Kualiti air merupakan suatu ciri-ciri air secara fizik, kimia dan biologi.⁷⁸ Ianya merupakan satu tindak balas komposisi air terhadap segala input sama ada semula jadi atau budaya.⁷⁹ Kualiti air juga didefinisikan sebagai suatu laras atau tingkat kesesuaian sesuatu sumber air bagi kegunaan sebagaimana yang wujud pada masa lampau iaitu keadaan semulajadinya.⁸⁰

Didapati definisi ini mempunyai persamaan dengan definisi sebahagian ulama' dalam mentafsirkan air mutlak iaitu air yang kekal dan lestari sepertimana asal kejadiannya atau sifat semulajadinya.⁸¹ Justeru, boleh juga dikatakan konsep kualiti air mempunyai persamaan dengan konsep air mutlak dalam perbahasan fiqh⁸². Sifat suci dan menyucikan serta bebas dari perubahan sifat seperti bau, rasa dan warna merupakan parameter yang sangat penting dalam penentuan standard kualiti air. Parameter rasa, warna dan bau merupakan indikator kualiti air dari aspek fizikal dan kimia.

Hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan Baihaqi⁸³:

إن الماء طهورا ينجسه إلا ما غلب على ريجه وطعمه ولونه

"Sesungguhnya air itu suci, Air itu tidak dinajisi sesuatu kecuali apabila air itu berubah rasanya atau warnanya atau baunya"

⁷⁸ Florida Keys National Marine Sanctuary, <http://floridakeys.noaa.gov/pdfs/wqfaq.pdf>, 5 September 2009.

⁷⁹ Mohamad Suhaily Yusri Haji Che Ngah (2006) "Protozoa sebagai Agen Baru Pencemaran Air" dalam *Isu-isu Pengurusan Alam Sekitar*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia. h. 45.

⁸⁰ *Ibid.*, h. 46.

⁸¹ Wahbah al-Zuhaili (1995) *op.cit.*, h. 99.

⁸² Taqiyuddin Abu Bakr Muhammad al-Husaini, *Kifayatul Akhyar. op.cit.*

⁸³ Al-Zayla'i, `Abd Allah ibn Yusuf (1360) *Nasb al-Rayah li-Ahadith al-Hidayah*. Dar al-Hadith.

Kualiti air yang digunakan sehari-hari oleh manusia sangat mempengaruhi tahap dan kondisi kesihatan sosial. Kualiti air yang diperlukan pula adalah berbeza dan bergantung kepada jenis penggunaan. Ianya merangkumi kegunaan untuk minuman manusia dan haiwan serta berupaya menampung keperluan seluruh akuatik yang terdapat di dalam lautan, memenuhi kegunaan pengairan dan juga untuk tujuan rekreasi.

Penggunaan air yang berbeza menjadikan tahap kebimbangan terhadap kesihatan juga berbeza lantaran pertimbangan kualiti air juga akan turut berbeza. Misalannya, air yang diguna sebagai minuman memerlukan kualiti yang lebih tinggi berbanding air yang digunakan dalam menjalankan aktiviti pertanian dan perindustrian kerana air minuman berkait secara langsung dengan kesihatan manusia.⁸⁴ Justeru, kita dapat melihat bahawa standard kualiti air minuman tidak dipantau oleh mana-mana institusi alam sekitar tetapi institusi kesihatan. Di Malaysia, kualiti air minuman dipantau oleh kementerian kesihatan yang mesti selaras dengan *World Health Organization (WHO)*.⁸⁵

Kita juga perlu mengetahui standard kualiti air alam sekitar yang merupakan suatu keperluan saintifik yang mana sesuatu keputusan atau pertimbangan boleh dibuat berdasarkan kesesuaian kualiti air untuk menyokong sesuatu kegunaan.

Parameter kualiti air diukur melalui komposisi fizik, kimia dan biologi.⁸⁶ Bagi karektor fizikal ianya termasuklah suhu, warna, bau, kekeruhan, pepejal total. Suhu merupakan parameter yang sangat penting kerana kesannya terhadap reaksi kimia dan kadar reaksi, kehidupan akuatik dan kesesuaian air untuk pelbagai kegunaan yang member

⁸⁴ Ibid.

⁸⁵ World Health Organization. http://www.who.int/water_sanitation_health/dwq/guidelines/en/index.html, 10 Oktober 2009.

⁸⁶ Wikipedia. http://en.wikipedia.org/wiki/Water_quality, 10 Oktober 2009.

berfaedah. Pertambahan suhu akan menyebabkan molekul air bertambah aktif dan sebarang kimia tambahan akan larut dan lebih mudah bereaksi dengan pepejal di dalam air. Oksigen juga kurang larut di dalam air yang suam/panas berbanding dengan air yang sejuk.⁸⁷

Berkaitan dengan air yang mempunyai suhu yang tinggi, Rasulullah s.a.w pernah menghalang individu mandi dengan *air musyammas*⁸⁸ kerana ditakuti akan dijangkiti penyakit. Diriwayatkan dari Ibnu Abbas r.a, bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda:

من اغتسل بماء مشمس فأصابه وضح فلا يلومن إلا نفسه

“Barangsiapa mandi dengan air musyammas lalu terkena penyakit belang (sopak), janganlah menyalahkan kecuali kepada dirinya sendiri”

Hukum mandi atau berwuduk dengan menggunakan air musyammas adalah makruh. Walaupun terdapat syarat kemakruhannya.⁸⁹ Persoalannya apakah kemakruhannya bersifat *syar'i* (hukum) atau *irsyadi* (menunjukkan sesuatu yang baik/ benar)? Menurut pandangan yang paling sahih, kemakruhannya bersifat *syar'i* iaitu mendapat pahala jika meninggalkannya. Bagi pendapat yang mengatakan kemakruhannya bersifat *irsyadi* kerana kemakruhannya dilihat dari aspek kesihatan. Penulis menerima kedua-dua pendapat kerana kedua-duanya tidakpun saling bercanggah. Tambahan pula, suhu air yang tinggi ternyata

⁸⁷ Azni Idris et. al., (2003), *Water Pollution Control*. Kuala Lumpur: Malaysian University Consortium for Environment and Development (MUCED).

⁸⁸ Iaitu air yang panas yang terjemur di bawah sinaran matahari/ di tempat yang panas.

⁸⁹ Syarat pertama, air itu terjemur dalam bekas seperti tembaga, timah dan besi yang akan menyebabkan karat akan terlarut dalam air dan menyebabkan penyakit. Tetapi tidak makruh jika dituangkan dalam bekas emas dan perak kerana tidak karat. Syarat kedua, air itu terjemur di daerah yang sangat panas, bukan tempat sejuk atau sederhana panas. Disengajakan atau tidak. Tidak makruh menggunakan ai musyammas di dalam kolam kecil atau kolam besar tanpa khilaf. (Lihat *Kifayat al-Akhyar*.)

menyebabkan perubahan karektor air secara saintifik dan air sememangnya memberikan impak yang besar terhadap kesihatan manusia.⁹⁰

Selain suhu, bau air juga dapat menjadi indikator kualiti air. Bau busuk merupakan tanda pertama yang tipikal bagi sisa buangan kumbahan hasil aktiviti bakteria *anaerobic* dengan ketiadaan oksigen dan nitrat.⁹¹ Biasanya bau ini disebabkan oleh *hydrogen sulphide* (H_2S).⁹² Perubahan bau air merupakan perkara yang jelas di dalam Islam bahawa air itu telah dinajisi atau dicemari. Rasulullah S.A.W bersabda:

خلق الله الماء طهورا لا ينجسه شيء إلا ما غير طعمه أو ريحه

“Allah menciptakan air itu suci menyucikan. Tidak ada apapun yang boleh menajiskan air itu kecuali ianya itu boleh mengubah rasanya atau baunya”.

Satu lagi sifat air selain tiada bau dan tiada rasa adalah tiada warna. Apabila air menjadi berwarna ianya turut mengubah kualiti air. Di dalam hadis di atas, Ibnu Majah menambah: *atau warnanya*. Tetapi hadis tersebut *da'if*.⁹³ Ini mungkin kerana secara saintifiknya, karektor fizikal warna air tidak dapat dikesan melainkan warnanya sangat ketara. Ianya diukur dengan membandingkan sampel air dengan standard warna. Perubahan warna boleh menjadi indikator masalah pencemaran air. Warna hijau dan kuning misalnya menunjukkan air tersebut dicemari sisa industri yang tidak dirawat. Kualiti air juga dapat dikesan apabila warnanya mengalami kekeruhan (*turbidity*) disebabkan pepejal terampai (*SS: suspended solid*) juga antara parameter penting penentuan kualiti air.

⁹⁰ Al-Husaini, Taqiyuddin Abubakar Muhammad (1993), *Kifayatul Akhyar (Kelengkapan orang saleh)*. Singapore : Pustaka Nasional. h. 12.

⁹¹ Azni Idris et. al., (2003), *op.cit*

⁹² Ibid

⁹³ al-Zayla`i, `Abd Allah ibn Yusuf, (1360) *Nasb al-Rayah li-Ahadith al-Hidayah*, Jil. 1, h. 94. Dar al-Hadith.

Karektor kimia pula komposisinya termasuklah sebatian organik, tidak organik dan pelbagai gas. Dari aspek organik, organik-organik ini diukur melalui beberapa proses berbeza iaitu BOD (*Biological Oxygen Demand*)⁹⁴, COD (*Chemical Oxygen Demand*),⁹⁵ dan TOC (*Total Organic Carbon*).⁹⁶ Dari aspek tidak organik pula termasuklah nilai *pH* dan *alkalinity* yang mana secara keseluruhannya ianya adalah untuk mengukur rasa air tersebut. Dan dari aspek gas pula, ianya untuk mengetahui bau air itu seperti bau ammonia. kerana gas-gas biasanya dikesan di dalam sisa buangan yang tidak dirawat seperti nitrogen, oksigen, karbon dioksida, ammonia dan methane.⁹⁷

Apa yang pasti, berdasarkan hadis tadi yang menetapkan standard kualiti air itu berdasarkan bau, rasa dan warna memenuhi kriteria indeks kualiti air yang digunakan sekarang. Tetapi, elemen bau, rasa dan warna itu lebih menjurus kepada aspek karektor fizik dan kimia air sahaja tidak merangkumi aspek karektor biologi. Tetapi tidaklah bermaksud Islam tidak melihat aspek biologi secara langsung. Mungkin kerana ketika itu masalah pencemaran air tidak serumit sekarang ini dan kemajuan teknologi dahulu tidak secanggih kini yang dapat merungkai pelbagai aspek saintifik dalam penentuan kualiti air.

⁹⁴ Biochemical oxygen demand or BOD is a chemical procedure for determining the uptake rate of dissolved oxygen by the biological organisms in a body of water. It is not a precise quantitative test, although it is widely used as an indication of the quality of water. Lihat UNEP Global Environment Monitoring System (Gems) Water Programme (2008), *Water Quality for Ecosystem and Human Health*, 2nd Ed. Canada: UN GEMS/Water Programme Office. hh. 9-23.

⁹⁵ In environmental chemistry, the chemical oxygen demand (COD) test is commonly used to indirectly measure the amount of organic compounds in water. Most applications of COD determine the amount of organic pollutants found in surface water (e.g. lakes and rivers), making COD a useful measure of water quality. Lihat UNEP Global Environment Monitoring System (Gems) Water Programme (2008), *Water Quality for Ecosystem and Human Health*, 2nd Ed. Canada: UN GEMS/Water Programme Office. hh. 9-23.

⁹⁶ Total organic carbon (TOC) is the amount of carbon bound in an organic compound and is often used as a non-specific indicator of water quality or cleanliness of pharmaceutical manufacturing equipment. Lihat UNEP Global Environment Monitoring System (Gems) Water Programme (2008), *Water Quality for Ecosystem and Human Health*, 2nd Ed. Canada: UN GEMS/Water Programme Office. hh. 9-23.

⁹⁷ Ibid.

Sukar untuk melakukan perbandingan secara langsung antara pembahagian kelas air yang ditetapkan dalam Indeks Kualiti Air (IKA)⁹⁸ dengan kategori air dalam topik *taharah*. Sepertimana yang ditekankan sebelum ini, standard kualiti air adalah berbeza mengikut penggunaan. Pembahagian air dalam Islam berdasarkan penggunaan untuk bersuci seperti *wudu'* dan *ghusl* (mandi) yang kualitinya adalah jauh lebih tinggi kerana air ini digunakan untuk tujuan ibadat. Justeru kita dapati perbincangan mengenai air dibahaskan dalam *fiqh al-'Ibadat*. Oleh yang demikian, standard yang ditetapkan oleh Islam adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan IKA.

Air dalam kategori *tahur* dan *tahir* bersamaan dengan air kategori I dalam IKA. Air bagi kelas II dan III dalam IKA yang dikategorikan sebagai sederhana tercemar (slightly polluted) pula adalah air yang diragui hukumnya dalam Islam dari segi kemutlakannya untuk diguna untuk bersuci. Namun, air dalam kelas II dan III ini akan dikira mutlak apabila kuantitinya banyak melebihi dua kolah atau mengalir ataupun telah hilang bau, rasa dan warna setelah melalui proses pembersihan air. Manakala air kategori IV dan V bersamaan dengan air *mutanajjis*.

Abu Dawud, Al-Tirmidhi, al-Nasa'i, Ibn Majah dan Imam Ahmad meriwayatkan daripada Abdullah bin 'Umar r.a katanya: Aku mendengar Rasulullah s.a.w ditanya tentang air yang terdapat di padang pasir yang luas didatangi binatang buas dan haiwan melata. Baginda menjawab: "Jika air tersebut sebanyak dua kolah ia tidak menanggung najis". Bermakna, jika air kurang dari dua kolah, maka menjadi najis sekalipun tidak

⁹⁸ Lihat Lampiran.

berubah sifat-sifatnya.⁹⁹ Dalilnya adalah berdasarkan ijma' ulama'. Imam al-Nawawi menyebut dalam al-Majmu' (1/60): *Ibn Munzir berkata: Ulama' telah bersepakat bahawa air yang sedikit atau banyak, apabila terjatuh ke dalamnya najis dan berubah rasa atau bau atau warna maka air itu menjadi najis.*¹⁰⁰

Dapatlah disimpulkan bahawa, kualiti air adalah suatu piawai untuk mengetahui sama air itu tercemar atau tidak. Pencemaran air merujuk kepada perubahan kualiti alam sekeliling yang berpunca dari kegiatan manusia yang boleh memudaratkan manusia sendiri dan juga alam sekitar. Pencemaran air bermaksud sebarang unsur yang menyebabkan atau menggalakkan keadaan tercemar di dalam mana-mana sumber air yang mendatangkan kesan negatif terhadap sebarang bentuk kegunaan sumber air tersebut.¹⁰¹

Terdapat standard yang jelas tentang kebersihan air dan cara-cara untuk menyucikan air yang tercemar. Standard ini berdasarkan standardnya iaitu air itu adalah suci selama mana tidak berubah salah satu daripada sifatnya iaitu bau, rasa dan warna. Kualiti air ini juga ditentukan oleh faktor kuantiti air itu. Sekiranya kuantiti air melebihi dua kolah, walaupun terdapat bahan pencemar, maka ianya dianggap bersih. Air yang mengalir juga menjadikan ianya suci dan menyucikan walaupun dimasukkan tangan yang bernajis.

⁹⁹ Mustofa Al-Khin, *op. cit.*, h. 41.

¹⁰⁰ *Ibid.*, h. 42.

¹⁰¹ Sulong Mohamad (1994), *Pembangunan dan Persekitaran di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 31.

2.3.3 KONSEP *HAQQ AL-IRTIFAQ*

Dalam perbahasan bentuk pemilikan tidak sempurna (*milk al-Naqis*) ianya terbahagi kepada tiga iaitu pemilikan barang sahaja, hak memanfaatkan dan hak menggunakan barang.¹⁰² Fokus diberikan kepada hak menggunakan barang kerana diskusi mengenai air banyak dibahaskan. *Haqq al-Irtifaq* atau hak menggunakan/memanfaatkan adalah hak yang telah ditetapkan ke atas sesuatu harta tak alih bagi manfaat harta tak alih yang lain. Hak ini dimiliki oleh bukan pemilik pertama. Ia merupakan hak tetap yang kekal selama kedua harta itu ada tanpa mengambilkira tentang siapa pemiliknya, seperti hak menyiram, hak perparitan, dan penyaluran air. Menurut perspektif ulama' Hanafi, hak menggunakan berfokus kepada enam hak sahaja: Hak minum, lalulintas, pengairan, penyaluran dan jiran. Mereka berpandangan bahawa selain daripada perkara di atas tidak harus diwujudkan kerana mewujudkan hak-hak lain ada ikatan dengan hak milik, sedangkan hak menggunakan tidak boleh diikat. Jika sekalipun terdapat ikatan, ia berbentuk kes pengecualian yang tidak boleh diperluaskan konsep asalnya. Ulama' Maliki pula berhujah bahawa hak menggunakan tidak terhad kepada enam perkara sahaja. Mereka mengharuskan mewujudkan hak-hak menggunakan yang lain dengan kehendak pihak berkenaan.¹⁰³

Dua kategori hak yang utama adalah hak menyiram (*Haqq al-Syarb*) dan hak minum (*Haqq al-Shafah*)¹⁰⁴ Istilah *haq al-syarb* secara etimologi bererti bahagian

¹⁰² Wahbah al-Zuhaili (1996) *Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuh*. Terj. Ahmad Shahbari Salamon *et. al. Fiqh dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hh. 591-594.

¹⁰³ Ibid.

¹⁰⁴ Rujuk The Mejelle, Art. 1262 dan 1269.

daripada air. Ini diambil daripada perkataan Nabi *Salih* di dalam al-Quran dalam sebuah kisah:

قَالَ هَذِهِ نَاقَةٌ لَهَا شِرْبٌ وَلَكُمْ شِرْبٌ يَوْمَ مَعْلُومٍ

Ini adalah seekor unta betina, (di antara cara-cara hidupnya ialah) air kamu hendaklah menjadi bahagian minumannya sehari, dan bahagian kamu sehari menurut giliran yang tertentu.

Surah al-Syu'ara' (26): 155

Menurut Wahbah al-Zuhaily, para fuqaha' mendefinisikan istilah *haq al-Syarb* dalam dua perspektif. Pertamanya, hak menyiram merupakan hak memperoleh sebahagian air atau menggunakan air bagi menyiram tanaman. Definisi ini paling popular di kalangan fuqaha' dan keduanya adalah hak mendapat giliran memanfaatkan atau masa menggunakan air untuk sesuatu tempoh bagi menyiram tanah atau tanaman. Terdapat dua jenis hak minum. Pertama *haq al-Syarb* (hak siram untuk tanaman dan pohon) diikuti dengan hak syafah (minum) untuk manusia, fauna dan keperluan rumah. Istilah *syafah* (bibir) diaplikasi kerana secara adatnya minum melalui bibir. Seterusnya adalah hak perparitan/mengalirkan air (*Haq al-Majra*). Hak menyalurkan air ialah hak pemilik tanah yang tanahnya terletak jauh dari punca air dan perlu melalui tanah orang lain atau tanah yang dikongsi oleh orang ramai dan sebagainya. Prinsip umumnya pemilik tanah tiada hak menegah orang lain mengalirkan air melalui tanahnya, berdasarkan kenyataan 'Umar terhadap orang yang melarang¹⁰⁵:

والله ليمرن به ولو على بطنك

Demi Allah bernarkan ia lalu walaupun di atas perut kamu.

¹⁰⁵ Ibid.

Menurut Wahbah al-Zuhaily juga, pemilik tanah yang mana tanahnya digunakan untuk saluran air juga tidak dibenarkan memindahkan saluran itu daripada tanahnya kepada tanah orang lain tanpa keizinan pemilik saluran. Mereka berhak memperbaiki, mendalamkan dan memperkukuhkan saluran itu. Begitu juga pemilik tanah berhak meminta pemilik saluran memperbaiki sehingga airnya tidak meresap ke tempat lain yang boleh mendatangkan mudarat kepada tanaman. Jika saluran air yang dimiliki secara berkongsi, salah seorang daripada mereka tidak berhak menyekat saluran itu kecuali dengan keizinan semua pemilik.¹⁰⁶ Jika mereka melarang sedangkan individu itu sangat memerlukan air, maka bolehlah mengambil air itu dengan cara lain seperti mengangkut dengan kenderaan.¹⁰⁷ Dalil yang mensyaratkan keizinan semua pemilik ialah kaedah menerima bahaya khas untuk mengelakkan bahaya am.

يحتمل الضرر الخاص لدفع ضرر عام

Kemudaratan khusus boleh digunakan untuk mengelakkan kemudaratan umum.

Hak laluan yang memang sudah tersedia di atas tanah orang lain hendaklah dikekalkan¹⁰⁸ berdasarkan kaedah:

القدم يترك على قدميه

Asal tetap pada asalnya

¹⁰⁶ Ibid.

¹⁰⁷ Kasani, Abu Bakr ibn Mas`ud (1998) *Bada'i` al-Sana'i` fi Tartib al-Shara'i`*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-`Arabi. Jil. VI, h. 190.

¹⁰⁸ Ibn `Abidin, Muhammad Amin al-Shahir (2003) *Radd al-Muhtar `Ala Durr al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar*. Jil. V, Riyadh: Dar `Alim al-Kutub. h. 314.

Tidak gugur kecuali menimbulkan bahaya kepada pemilik tanah yang mana menggunakan kaedah:

الضرر لا يكون قديما

Bahaya bukan perkara asal

Sekiranya saluran yang lama hendak diganti, kebenaran kerajaan hendaklah diperolehi demi mengelakkan apa-apa bahaya kemudian hari nanti demi menjaga kepentingan ramai. Jika penggantian itu melalui tanah bermilik, hendaklah mendapatkan kebenaran pemilik. Walaubagaimanapun, pemilik tidak berhak melarang penggantian itu, selagi tidak mendatangkan apa-apa bahaya dengan penggantian itu.¹⁰⁹ Dan yang terakhir adalah hak penyaluran air (*Haq al-Masil*). *Haq al-Masil* adalah penyaluran air di permukaan bumi atau pemasangan paip air bagi menyalurkan air yang berlebihan atau kotor di sesuatu tempat ke tempat-tempat tertentu seperti longkang atau parit awam atau yang memerlukan, seperti penyaluran ke tanah pertanian atau ke rumah-rumah atau kilang. Perbezaan antara perparitan dan penyaluran adalah perparitan merupakan sistem penyaluran air untuk tujuan pembangunan tanah sedangkan penyaluran adalah penyaluran air untuk tujuan pembangunan tanah dan kegunaan rumah. Hukum penyaluran sama dengan hukum perparitan, iaitu tidak ada sesiapa pun berhak menegah kecuali jika ia mendatangkan kerosakan yang teruk/nyata. Hak saluran di atas permukaan bumi atau parit atau longkang untuk mengalirkan air kotor kepada parit besar atau tangki simpanan. Contohnya air pertanian yang dibuang atau air hujan atau air yang telah diguna di rumah. Perbezaan antara *al-Masil* dan *al-Majra* adalah *al-Majra* adalah untuk mengalirkan air bersih dan

¹⁰⁹ Wahbah al-Zuhaili (1996) *op.cit.*

sesuai untuk tanah, manakala *al-Masil* adalah untuk membuang air kotor dan tidak sesuai daripada tanah atau rumah.¹¹⁰

a) Klasifikasi Air daripada Perspektif Hak:

Pengklasifikasian ini penulis memerimapai sepenuhnya pandangan Wahbah al-Zuhaily, beliau mengklasifikasikan air kepada empat¹¹¹:

Pertama; Air sungai awam (sungai-sungai utama) yang mengalir melalui tanah tidak yang bermilik boleh digunakan oleh sesiapaupun. Dari perspektif hukumnya, ia menjadi milik awam sama ada air atau tempat pengairannya.¹¹² Setiap individu berhak memanfaatkannya untuk tujuan minum dan siram, berhak membuat parit daripadanya ke tempat yang dikehendaki, berhak meletakkan alat-alat pengalir ke tanahnya, dan apa-apa sahaja untuk memanfaatkan air sungai. Setiap individu yang mempunyai laluan kepadanya berhak memanfaatkan untuk diri, ternakan dan tujuan pertaniannya dengan syarat tidak membahayakan individu yang lain berdasarkan hadis:

الناس شركاء في ثلاث: الماء والكلاء والنار

*Manusia berkongsi dalam tiga perkara, air, padang ragut dan api*¹¹³

Yang dimaksudkan dengan air adalah air yang belum diambil daripada sungai yang tidak dimiliki sesiapa. Air yang telah disimpan dalam bekas/tong sudah menjadi milik khas. Perkongsian institusi sosial dalam tiga perkara tersebut adalah perkongsian yang

¹¹⁰ Ibid.

¹¹¹ Ibid., hh. 595-598.

¹¹² Kasani., *op.cit.*, h. 192; Ibn 'Abidin. *op.cit.*, h. 311; Ibn Qudamah, *op.cit.*, h.531; Al-Syirbini, Shams al-Din Muhammad al-Khatib (1958).*Mughni al-Muhtaj*, J. II, al-Qahirah : Matba`at Mustafa al-Babi al-Halabi. H. 373.

¹¹³ Ibn Majah (2000). *Op. cit.*

diharuskan, bukan perkongsian milik, kerana tiada elemen pengasingan khas.¹¹⁴ Badan pemerintah atau kerajaan tidak boleh menegah penggunaan air sungai awam selagi tindakan penggunaanya tidak mendatangkan bahaya kepada individu lain atau kepada orang ramai. Maka, jika didapati ada simptom yang boleh membahayakan, setiap individu muslim wajib mencegah atau jika usaha itu sudah berjalan hendaklah dihentikan dengan tindakan sewajarnya. Bahaya yang ada hendaklah dihentikan dengan cara apa sekalipun kerana air sungai ini milik orang ramai dan keharusan seseorang memanfaatkan adalah tertakluk kepada ketiadaan mendatangkan bahaya.¹¹⁵ Hadis:

لا ضرار ولا ضرار

Tidak berbahaya dan tidak membahayakan

Kedua; Sungai atau parit yang dimiliki oleh sebahagian individu. Dari konteks hukumnya, setiap individu mempunyai hak memanfaatkannya termasuk untuk ternakan, tidak termasuk penyiraman tanaman, jika menghadapi apa-apa bahaya atau kecemasan, mengikut maksimumnya, bahaya besar boleh gugur dengan melakukan bahaya kecil. Tetapi hal ini tidak termasuk penggunaan untuk penyiraman tanaman dan pohon kecuali mendapat keizinan pemiliknya. Pemilik sungai atau parit berhak melarang orang lain menggunakan airnya untuk tujuan penyiraman tanaman dan pohon, kerana air itu milik khas pemilik.¹¹⁶ Menurut ulama' Hanafi air sungai tidak boleh dijual atas nama individu kerana ianya merupakan hak umum dan terbuka kepada sesiapa yang berhak memanfaatkan (*syarb* dan *syafah*) dan hak ini tidak boleh dijual beli. Sekiranya pemilik tanah menjual tanah bersama sungainya adalah diharuskan, kerana hukum umumnya harus

¹¹⁴ Rujuk The Mejelle, Art. 1234, 1235 dan 1238.

¹¹⁵ Wahbah Zuhaili, *op.cit.*, hh. 65 dan 598.

¹¹⁶ Rujuk The Mejelle, Art. 1239.

menjual sesuatu benda sekali dengan apa-apa yang seisi padanya jika tidak boleh dipisahkan kecuali dengan kontrak yang menyatakan dengan jelas atau tanda-tanda yang menjurus kepada maksud tertentu. Bagaimanapun mereka mengharuskan menjual air yang sudah mereka simpan dalam bekas dengan amaun termaklum, untuk tujuan siraman tanaman. Ia tidak diharuskan untuk tujuan minuman (manusia dan haiwan). Begitu juga ulama' Maliki, Syafi'i dan Hanbali mengharuskan penjualan air yang sudah dimiliki tetapi mereka menganggap jika pemiliknya dapat memberikan air itu dengan percuma adalah disunatkan. Perampasan air tidak diharuskan dan hanya dilakukan sekiranya keadaan dahaga sudah sampai ke tahap membawa maut. Dalam senario ini orang yang berkenaan berhak memanfaatkan air itu, biar sekalipun terpaksa menggunakan kekerasan jika pemiliknya enggan memberikan kebenaran. Jelas menunjukkan, tahap kepentingan air sebagai hak asasi ini boleh membawa kepada kekerasan seperti peperangan. Ulama' Syafi'i menegaskan bahawa penjualan air adalah disyaratkan menggunakan kadar dengan sukat atau timbang, bukan mengikut jumlah atau luas tanaman.¹¹⁷

Ketiga; Air mata air seperti perigi dan tasik.¹¹⁸ Hukumnya, air dalam kategori ini bukan milik sesiapa dan boleh digunakan oleh sesiapa sahaja, meskipun pemilik mempunyai hak tertentu, sama ada ia di tanah bermilik atau tidak. Prinsipnya, air harus bagi sesiapa sahaja. Ia sabit bahawa ada hak minum tetapi tidak menyiram. Hak manusia dan ternakan meminum kategori air di atas adalah sabit, tidak termasuk yang lainnya (seperti untuk penyiraman tanaman). Air-air tersebut terbuka kepada sesiapa sahaja yang berhak, ia dibenarkan menggunakan dan memanfaatkan sekadar yang diperlukan secara ekuiti untuk diri, ternakan dan rumahnya. Andainya pemilik air jenis tersebut menafikan

¹¹⁷ Ibid. h. 597.

¹¹⁸ Rujuk The Mejelle, Art. 1236.

hak individu yang lain, bagi yang memerlukannya, bolehlah mengambilnya secara paksa, biar sekalipun jika perlu dengan kekerasan atau terpaksa menyerang dengan senjata. Di sini juga menunjukkan peperangan boleh menjadi langkah akhir bagi mendapatkan hak air ini. Ini kerana air perigi di tempat bermilik adalah harus hukumnya tetapi dengan syarat tidak ada sumber-sumber lain untuk mendapatkan air. Jika pemiliknya enggan membenarkan dan menegah orang lain minum untuk diri dan ternakannya, orang ramai boleh memerangnya sehingga memenuhi keperluan (hajat) sekiranya sumber-sumber yang dekat tidak ada di kawasan itu. Dalil yang menunjukkan tentang orang yang memerlukan air mempunyai hak ialah bahawa satu kaum musafir yang memohon daripada pemilik perigi untuk diminum dan untuk ternakannya yang sudah kecemasan dan lumpuh, tetapi ia tidak memedulikannya dan tidak membenarkan kaum tersebut mengambil air. Lantas perkara itu diadukan kepada 'Umar al-Khattab dan beliau berkata; "Mengapa kamu tidak menggunakan kekerasan senjata?"¹¹⁹ Perlu ditekankan di sini bahawa hukum kedua-dua jenis air (perigi dan tasik) adalah hampir sama, kecuali air perigi milik pemiliknya, sedangkan air tasik tidak bermilik terbuka kepada awam. Bagi sesiapa yang di dalam kecemasan sehingga membahayakan dirinya, berhak mengambil dengan apa cara sekalipun termasuk menggunakan kekerasan. Walaubagaimanapun, untuk mendapatkan air perigi tidak boleh dengan kekerasan sampai ke tahap menggunakan senjata, dan untuk mendapatkan air tasik dibolehkan kerana air tasik ini mempunyai sifat hak menggunakan yang menonjol.

¹¹⁹ Abu Yusuf Ya`qub (1933) *Kitab Al-Kharaj*. al-Qahirah : al-Matba`at al-Salafiyah. h. 97.

Ulama' Syafi'i mengutarakan pendapat yang konkrit¹²⁰ bahwa perigi yang digali di tanah terbiar adalah menjadi milik khas penggalinya kerana kerana dianggap sebagai membangunkan tanah, yang mana hasil pembangunannya menjadi milik pemaju. Selanjutnya mereka berpendapat bahawa pemilik perigi, setelah memenuhi keperluan diri, ternakan dan tanamannya tidak boleh melarang orang lain menggunakan air untuk keperluan diri dan ternakan mereka demi menghormati nyawa. Ini berdasarkan pengertian hadis:

لا تمنعوا فضل الماء لتمكنوا به الكأ

Jangan kamu halang lebih air untuk digunakan bagi keperluan tumbuhan rumput

Maksudnya, jika dilarang binatang ternakan yang digembala di kawasan berdekatan daripada minum sama ertinya dilarang memakan rumput yang ada di sekitarnya. Memanfaatkan air perigi adalah harus dan tidak seharusnya dikuasai oleh sesiapa yang boleh melarang orang lain daripada memanfaatkan kecuali jika airnya sudah divedok dan disimpan dalam tong atau bekas kepunyaan pencedok.¹²¹

Keempat; Air simpanan khusus seperti dalam tangki, baldi dan tong dan termasuk air syarikat di sesebuah pekan adalah air milik khas. Pemiliknya berhak menggunakan dan menjual mengikut kehendak, sebagaimana dia berhak menggunakan harta lain yang diizinkan syara'. Tidak seorangpun berhak memanfaatkan air jenis ini dengan apa cara

¹²⁰ Al-Syirbini, *op.cit.*, h. 375.

¹²¹ Wahbah al-Zuhaili. *op.cit.*, h. 596.

sekalipun kecuali dengan keizinan dan kerelaan pemiliknya.¹²² Dalilnya ialah kerana Rasulullah menegah menjual air jenis ini dengan apa cara sekalipun kecuali dengan apa yang dibawanya sahaja.¹²³

نهى عن بيع المال إلا ما حمل منه

Nabi s.a.w melarang menjual air kecuali setakat yang boleh dibawa

Hadis ini telah menegah penjualan air lebihan (daripada keperluan rutin harian)¹²⁴. Ia diqiyyaskan dengan hukum mengharuskan penjualan kayu yang diambil oleh pemotongnya. Berpaksikan kepada hadis di mana Rasulullah s.a.w menyuruh orang memotong kayu supaya tidak meminta-minta pemberian orang. Walaupun air dalam simpanan itu milik khas bagi penyimpannya, namun, Islam membenarkan orang lain menggunakannya untuk minum sekiranya keadaan begitu memerlukan sampai ke tahap orang itu akan meghadapi mudarat jika tidak minum. Untuk mengelakkan berlakunya kecelakaan, orang itu boleh menggunakan atau meminum air simpanan orang lain. Walaubagaimanapun, setelah menggunakan air yang amat diperlukan, penggunaanya dikehendaki membayar remedi mengikut harga air itu.¹²⁵ Dengan kata lain, harus mengambil sesuatu benda kerana terpaksa tidak bererti tidak dikenakan ganti berdasarkan maksim:

الإضرار لا يبطل حق الغير

Keadaan memaksa tidak membatalkan hak orang lain

¹²² Kasani, *op.cit.*, J. VI, h. 188; Ibn ‘Abidin, *op.cit.*, jil. V, hh. 311-313; Ibn Qudamah, *op.cit.*, Jil. V, h.536; Abu Yusuf Ya’kub, *op.cit.*, hh.95-97.

¹²³ Wahbah al-Zuhaili. *Op.cit.*, h. 595.

¹²⁴ Ibid.

¹²⁵ Wahbah al-Zuhaili. *op.cit.*, h. 595.

Terdapat tiga asas utama hak menggunakan diperuntukkan dalam undang-undang. Perkara-perkara yang menjadi arbitrari atau pertimbangan asas merangkumi aspek pengkongsian awam, syarat kontrak dan aspek kemajuan.¹²⁶ Terdapat juga peraturan am bagi hak minum dan pemanfaatan air¹²⁷ Pertama; Memelihara Ekosistem seperti memelihara tebing dan sekitar perigi atau sungai. Selain menguruskan air itu sendiri, faktor pemeliharaan persekitaran daripada bahaya dan kerosakan juga amat dititikberatkan. Jika peraturan diingkari, pemilik berhak menegah orang yang ingkar daripada memanfaatkan. Ini berdasarkan hadis:

لا ضرر ولا ضرار

Tidak berbahaya dan tidak membahayakan

Antara penyalahgunaan yang sering timbul misalnya penyedutan air secara berlebihan dan melakukan kerosakan seperti pencemaran. Kegiatan ini jika tidak berlebihan pun boleh dikenakan remedi atau bayaran gantirugi. Ulama' Hanafi berhujah bahawa jika seseorang menyiram tanahnya dengan amaun yang rasional tetapi membawa perubahan kepada tanah jiran, tidak dikenakan apa-apa gantirugi kerana ia merupakan punca di luar kawalan. Tetapi jika ia menyiram tanahnya dengan amaun berlebihan sehingga mengakibatkan kerosakan tanah jiran dikenakan gantirugi mengikut fatwa mazhab Hanafi.¹²⁸ Keduanya; Hak siram yang diwariskan dan diwasiatkan kepada seseorang untuk pemanfaatan adalah sah. Pandangan ini dipersetujui oleh semua ulama'. Ketiga; Jika air dimiliki seseorang, dia berhak memanfaatkan mengikut cara yang dikehendakinya. Jika pemilikannya adalah pemilikan awam atau perkongsian umum maka pengagihannya perlulah adil sama ada

¹²⁶ Ibid., hh. 599-601.

¹²⁷ Muhammad Yusuf Musa, *al-Amwal wa Nazariyyah al-'Aqd fi al-Fiqh al-Islami*. h. 175.

¹²⁸ Ibn 'Abidin, *op.cit.*, Jil. V, h. 317

dengan cara bergilir-gilir setiap orang sehingga boleh memanfaatkan air dalam jarak waktu tertentu atau dengan perparitan iaitu membuat saluran ke tanah-tanah tertentu mengikut luas tanah. Ia adalah termasuk pendapat ulama' Syafi'i.¹²⁹

Menurut pandangan Wahbah al-Zuhaili, di bawah konsep keadilan agihan, jika sesebuah sungai itu merupakan hak awam dan terdapat pertelagahan tentang hak siram, maka hak yang diberikan tertakluk kepada keluasan tanah pertanian yang diusahakan kerana maksud *haq syarb* ialah menyirami tanaman mereka. Konsep keadilan agihan ini juga boleh berasaskan kepada persetujuan ramai. Seseorang tidak dibenarkan menyimpan air daripada sungai, atau memasang alat penyedut atau membuat jambatan atau memperluaskan kuala sungai, atau membahagi-bahagikan hari giliran dengan tidak mendapat persetujuan ramai. Ini kerana kaedahnya yang asal adalah untuk mengelakkan bahaya terhadap orang lain kerana kegiatan memperluaskan sungai boleh mendatangkan bahaya.¹³⁰ Berdasarkan metodologi *istihsan* dalam mazhab Hanafi bahawa mengangkat dakwaan tuntutan hak siram tanpa tanah adalah sah¹³¹ kerana penyiraman adalah suatu perkara baik dan memberi manfaat, oleh itu hak siram itu boleh dimiliki melalui perwarisan atau wasiat tanpa tanah kerana ada kalanya tanah boleh dijual tanpa hak siram, dan hak siram boleh dijual berasingan.¹³²

Bagi memanfaatkan air hujan atau parit atau sungai kecil yang digunakan oleh umum hendaklah berdasarkan konsep “yang di sebelah atas (hulu) lebih dahulu kemudian menurun ke bawah (mudik)”. Setelah orang bahagian atas membasahi atau menyiram

¹²⁹ Wahbah al-Zuhaili (1996), *op.cit.* hh.599-603.

¹³⁰ Ibn 'Abidin, *op.cit.*, h. 315; Ibn Qudamah, *op.cit.*, hh. 533-536.

¹³¹ Ibn 'Abidin, *op.cit.*, h. 314.

¹³² Wahbah al-Zuhaili (1996), *op.cit.*

tanahnya sedalam buku lali, hendaklah diberikan kepada orang selepasnya dan seterusnya.¹³³ Peraturan ini didasarkan kepada hadis:

أن النبي صلى الله عليه وسلم قضى في شرب النخل من السيل: أن الأعلى يشرب
قبل الأسفل ويترك الماء إلى الكعبين ثم يرسل الماء إلى الأسفل الذي يليه وكذلك
حتى تنقضي الحوائط أو ينفي الماء.

Nabi s.a.w menetapkan siraman pokok kurma, iaitu orang yang tinggal di tanah tinggi menyiram lebih dahulu sehingga air sampai ke buku lali, kemudian dilepaskan air itu untuk orang yang di bawahnya. Bagitulah seterusnya sehingga semua orang mendapat air.

‘Abdullah bin al-Zubair telah meriwayatkan bahawa seorang lelaki Ansar berkelahi dengannya berkaitan penggunaan parit di *Hurrah* untuk menyiram pohon tamar. Hadith ini menjadi perlu dijadikan rujukan bagi kes-kes *world water war* yang menyekat penggunaan air antara negara. Orang itu berkata kepada al-Zubair:

”Alirkan air itu”. Al-Zubair tidak menghiraukan lantas mereka bergaduh sehingga mengadu kepada Rasulullah. Rasulullah berkata kepada al-Zubair, ”Siramlah tanah engkau, selepas itu alirkanlah air itu ke tanah jiran kamu”. Lelaki Ansar berkata ”Adakah al-Zubair itu anak ibu saudaramu ya Rasulullah?” Mendengar kata-kata lelaki itu wajah Rasulullah berubah merah padam dan bersabda lagi kepada al-Zubair, ”Hai Zubair, siramlah tanah engkau hingga sedalam buku lali”. Al-Zubair menjawab, ”Demi Allah aku berpegang kepada firman Allah:

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ

Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad), Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul antara mereka

Surah al-Nisa’(4): 65

¹³³ Al-Syirbini, *op.cit.*, h. 373; Ibn Qudamah, *op.cit.*, hh. 531.

Satu riwayat daripada 'Abdullah bin Abu Bakr bin Muhammad bin 'Amru bin Hazm bahawa Rasulullah bersabda mengenai penggunaan air parit Mahzur dan Muzainab:

يَمْسُكُهَا حَتَّى الْكَعْبَيْنِ ، ثُمَّ يَرْسُلُ الْأَعْلَى عَلَى الْأَسْفَلِ

*Tahanlah atau bendunglah air itu sampai ke buku lali, kemudian lepaskan untuk orang-orang di bawahnya.*¹³⁴

2.3.4 KONSEP HARIM DAN HIMA

Al-Hima telah diperkenalkan sejak zaman Rasulullah s.a.w, khulafa' al-rasyidin dan dalam kitab-kitab fiqh terkemudian yang boleh disinonimkan dengan terminologi kontemporari seperti tanah simpanan awam¹³⁵, kawasan perlindungan (pemeliharaan fauna),¹³⁶ hutan simpan dan taman negara. Rasulullah bersabda yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas r.a yang bermaksud:

وَقَالَ لَا حِمَى إِلَّا لِلَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

*Tiada tanah simpanan (hima) dibenarkan kecuali untuk Allah dan RasulNya.*¹³⁷

Dalam mentafsirkan hadis di atas, Imam al-Syafi'i mempunyai dua tafsiran iaitu tiada sesiapa berkuasa merizabkan tanah kecuali yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w; dan hanya boleh merizabkan tanah mengikut dasar yang ditetapkan Rasulullah iaitu untuk faedah umum dan bukan kepentingan diri.¹³⁸ Rasulullah s.a.w telah merizabkan sebidang tanah di Madinah, termasuk sebuah bukit di Baqi seluas enam batu untuk kuda-kuda orang Islam Ansar dan Muhajirin. Hadis yang diriwayatkan Ibn 'Umar r.a bermaksud:

¹³⁴ Wahbah al-Zuhaili (1996), *op.cit.*, h. 601.

¹³⁵ Al-Syafi'i, *al-Umm*, juz 111, h. 270, Ibn Qudamah, *al-Mughni*, juz. 5, h. 328, al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, h. 184.

¹³⁶ Al-Mawardi, *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. H. 184 dan *al-Mughni*, h. 428.

¹³⁷ Abu Dawud, Sunan. Juz 111, h. 180 hadis no. 3083.

¹³⁸ Al-Syafi'i, *op.cit.* Juz. 3, h. 270.

“Nabi Muhammad s.a.w telah merizabkan sebidang tanah di Naqi’ untuk kegunaan kuda orang-orang Islam”.

Khalifah Abu Bakr al-Siddiq r.a pernah merizabkan tanah di ‘al-Rabzah’ untuk orang miskin (*ahl al-Sadaqah*)¹³⁹ dan disusuli oleh khalifah ‘Umar al-Khattab r.a beliau telah merizabkan sebidang tanah yang terletak di *al-Saraf*.¹⁴⁰ Secara holistik, terdapat pelbagai syarat dan ketetapan untuk mewujudkan *hima* :

- 1) Pemerintah atau wakilnya tidak boleh mewujudkan *hima* untuk kepentingan peribadi, hartawan dan kafir zimmi. Ianya hanya boleh dikhususkan untuk orang Islam atau khusus kepada fakir miskin.¹⁴¹
- 2) Pemerintah dan hartawan tidak boleh menternak binatang ternakannya di dalam kawasan *hima* dan jika berlaku ia perlu dihalang. Kes seperti ini pernah terjadi pada zaman Khalifah ‘Umar al-Khattab. Beliau yang telah melarang binatang ternakan ‘Uthman Ibn ‘Affan dan Abd a-Rahman Auf diperlihara di kawasan *hima* yang dikhususkan kepada orang miskin.¹⁴²
- 3) Pemerintah berkuasa membatalkan *hima* yang dibuatnya atau pemerintah sebelumnya dan boleh menggantikan tanah terbiar lain sebagai ganti demi kebajikan. Pemerintah tidak boleh membatalkan *hima* yang diwujudkan oleh Rasulullah s.a.w.¹⁴³

¹³⁹ Al-Mawardi, *op.cit.* h. 185.

¹⁴⁰ Ibid.

¹⁴¹ Ibn Qudamah, *op.cit.*, h. 429.

¹⁴² Abu ‘Ubaid (t.t) *Al-Amwal*. H. 298-300. (No. 739-742)

¹⁴³ Ibn Qudamah, *op.cit.*, h. 430, al-Mawardi, *op.cit.*, h. 185.

- 4) *Hima* tertakluk kepada syarat khusus dan syarat umum yang ditetapkan oleh pemerintah semasa mewujudkan *hima*. Jika dikhususkan kepada orang Islam yang fakir dan miskin, maka hartawan dan kafir zimmi dilarang menggunakannya.¹⁴⁴ Menurut al-Mawardi, harus memperluas penggunaan *hima* yang tertakluk kepada syarat khusus dan tidak harus menyempitkan skop *hima* yang tertakluk kepada syarat umum supaya lebih ramai boleh memperoleh faedahnya.¹⁴⁵ Jika ditentukan untuk memelihara binatang tertentu sahaja, binatang lain dilarang menggunakan kawasan *hima*.¹⁴⁶
- 5) Tidak sah mewujudkan *hima* semata-mata untuk hartawan atau kafir zimmi sahaja.¹⁴⁷
- 6) Pemimpin tidak boleh mengambil upah atau balasan dari pemilik binatang yang mentenak binatang di dalam kawasan *hima*.¹⁴⁸
- 7) Menurut mazhab Syafi'i, individu yang ihya' tanah *hima* yang diwujudkan oleh pemerintah Islam tidak berhak memiliki tanah tersebut.¹⁴⁹ Tanah tersebut mesti dilindungi, dipelihara hukum dan syarat-syaratnya sebagai *hima*.¹⁵⁰
- 8) Hanya tanah mawat boleh dijadikan *hima*.¹⁵¹

¹⁴⁴ Al-Mawardi, *op.cit.* h. 186.

¹⁴⁵ Ibid.

¹⁴⁶ Ibid.

¹⁴⁷ Ibid.

¹⁴⁸ Ibid. h. 187.

¹⁴⁹ Ibn Qudamah, *op.cit.*, h. 430.

¹⁵⁰ Al-Mawardi, *op.cit.*, h. 186.

¹⁵¹ Ibid. h. 185.

Harim dari sudut linguistik ialah sesuatu yang haram diganggu dan diceroboh. Dari sudut semantik pula ialah hak-hak sesuatu yang terdapat di sekitar atau sekelilingnya. Ulama' Syafi'i memberikan definisi *harim* sebagai apa-apa yang sangat diperlukan bagi kesempurnaan manfaat sesuatu, walaupun sesuatu itu dapat dimanfaatkan tanpa *harim* itu seperti halaman, parit, tali air dan sebagainya.¹⁵² Menurut kitab Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyah (17:212) disebutkan bahawa di antara makna *harim* termasuklah kawasan atau halaman (seperti) halaman rumah atau kawasan masjid. Mengikut Abu Hanifah *harim* bagi tempat minuman kambing dan unta ialah 40 hasta, *harim* bagi tali air 60 hasta, dan *harim* bagi mata air 300 hasta. Dengan itu, tanah yang terletak dalam lingkungan itu tidak boleh *ihya'* oleh orang lain. Mazhab Hanbali pula menetapkan *harim* bagi tanah *mawat* ialah 20 hasta dan *harim* kawasan tali air adalah 500 hasta. Mazhab Maliki dan Syafi'i tidak menetapkan had tertentu dan diserahkan kepada '*urf* dan adat kebiasaan.¹⁵³

Bersandarkan kesemua konsep di atas, secara holistiknya polisi dan teori pengurusan air boleh diklasifikasikan kepada tiga bahagian:¹⁵⁴ Pertama; air sebagai instrumen sosial.¹⁵⁵ Air merupakan instrumen sosial yang utama dan penting dalam Islam. Ia merupakan suatu anugerah dari Allah SWT dan memainkan peranan penting dalam keseimbangan kehidupan. Polisi umumnya, air dimiliki oleh komuniti dan bukan milik persendirian. Prioriti pertama penggunaan air adalah untuk membolehkan setiap manusia meminum air dengan kualiti dan kuantiti yang mencukupi untuk kelangsungan hidup.

¹⁵² Al-Syirbini al-Khatib (t.t). *Mughni al-Muhtaj*. Juz. 2, h. 334.

¹⁵³ Ridzuan Awang (1994) *Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 219.

¹⁵⁴ Naser I. Faruqi (2001) "Islam and Water Management: Overview and Principles" dalam Naser I. Faruqi, e.d, (2001) *Water Mangement in Islam*. New York: United Nations University Press. hh. 22-23.

¹⁵⁵ Ibid. h. 1.

Prioriti kedua dan ketiga adalah untuk ternakan dan saliran. Manusia adalah pengurus air di muka bumi. Flora dan fauna juga mempunyai hak terhadap air dan ianya sangat penting untuk melindungi alam sekitar dengan mengurangkan pencemaran. Setiap individu, organisasi dan negeri dipertanggungjawabkan ke atas segala kerosakan alam sekitar atau hak orang lain terhadap alam sekitar termasuk hak penggunaan air. Sumber air pula perlu diuruskan dan digunakan secara mampan. Pengurusan air yang mampan sangat bergantung kepada faktor nilai universal seperti keadilan dan mengambil berat antara satu sama lain.

Kedua; pengurusan Pembekalan dan Permintaan Air.¹⁵⁶ Ianya diklasifikasikan kepada instrumen ekonomi (tarif air dan penswastan perkhidmatan bekalan air) dan bukan ekonomi (Pemuliharaan air, guna semula air sisa kumbahan dan perancangan keluarga untuk mengawal pertumbuhan populasi). Pemuliharaan air mestilah berpusat kepada Islam. Masjid-masjid dan institusi agama lainnya perlu dimanfaatkan untuk menyebarkan prinsip ini. Penggunaan semula air sisa dibenarkan dalam Islam dengan syarat ianya dirawat mengikut standard yang diperlukan. Bayaran perkhidmatan bekalan air dibenarkan dalam Islam kerana ianya meliputi kos pembekalan, rawatan, simpanan dan agihan air begitu juga dengan pengumpulan air sisa dan rawatannya. Namun, penetapan harga air mestilah rasional dengan kecekapan pengurusannya. Penswastan perkhidmatan bekalan air juga dibenarkan dalam Islam namun, kerajaan perlu memantau kemunasabahan harga berdasarkan perkhidmatan.

Ketiga; pengurusan Sumber Air Bersepadu.¹⁵⁷ Keputusan yang dibuat dalam isu pengurusan air perlu mendapat persetujuan dan nasihat dari pihak berautoriti. Umumnya, setiap komuniti boleh memainkan peranan yang efektif dalam pengurusan air dan perlu

¹⁵⁶ Ibid., h. 5.

¹⁵⁷ Ibid., h. 17

digalakkan untuk melakukan sedemikian. Setiap komuniti perlu proaktif dalam memastikan mereka mendapat akses terhadap sumber air. Setiap warga negeri juga mempunyai obligasi untuk berkongsi air seadilnya dengan negeri lain. Pengurusan air bersepadu merupakan perkara

2.4 METODOLOGI PERUNDANGAN ISLAM DALAM MENGAWAL KUALITI AIR DARIPADA PENCEMARAN.

Sistem perundangan Islam begitu komprehensif. Selain menguatkuasakan undang-undang substantif oleh institusi *hisbah* oleh *muhtasib*, perundangan Islam menekankan beberapa aspek asas seperti falsafah dan etika perundangan menerusi metodologi perundangan yang tetap pada ketetapanannya dan fleksibel serta dinamik mengikut keadaan. Perundangan Islam juga unik kerana mempunyai maksim perundangan tersendiri dan hukumannya yang adil yang mampu mencegah daripada kesalahan dari terus dilakukan dan mendidik pesalah serta masyarakat umum. Kesemua metodologi ini akan dikupas dari perspektif mengawal kesalahan mencemarkan air seperti sungai.

2.4.1 MAQASID SYARIAH DAN MASLAHAH.

Secara linguistiknya bermaksud tujuan akhir atau objektif syariah yang merupakan syarat dalam menentukan hukum. Ianya menjadi matlamat yang ditentukan oleh syariat untuk diimplimentasi demi kepentingan, keperluan dan kesenangan manusia. Maqasid Syariah diklasifikasi kepada dua kategori iaitu umum dan khusus. Objektif umum melihat kepada kepada pengertian dan hikmah pensyariatan. Malah, turut menjaga kronologi dan

prioriti umum (*hifz al-Nizam*) dalam menjana kebajikan dan menolak keburukan (جلب (المصالح و دفع المفاسد). Objektif khusus lebih melihat kepada mengawal kepentingan umum manusia dalam urusan peribadi seperti kekeluargaan dan muamalat. Al-Raisuni menambah Objektif Cabang (*al-Maqasid al-Juz'iyah*) iaitu objektif yang dimaksudkan oleh Syariat dalam setiap hukum syarak seperti wajib, haram, sunat, makruh, harus, sebab, syarat dan mani'.¹⁵⁸

Konsep *masalahah* yang dimaksudkan merangkumi kebaikan di dunia dan di akhirat. *Maslahah* itu merangkumi setiap sesuatu yang melancarkan urusan dan memberi kenikmatan serta keselesaan hidup, baik bersifat fizikal, moral, intelektual dan spiritual.¹⁵⁹ Bagi mengelak salah tafsir, para fuqaha menegaskan bahawa realiti *masalahah* mestilah membawa kemajuan hidup dan bukan kemelesetan.¹⁶⁰ Penilaian *masalahah* perlu berpaksikan kepada indikator iaitu sejauhmana ia boleh membina kehidupan di dunia kini dan di akhirat nanti dan bukannya nafsu.¹⁶¹ Apabila dalam sesuatu kondisi yang mana *masalahah* bercampur dengan mafsadah, para fuqaha' berpandangan, pertimbangan perlu dibuatkan berdasarkan faktor kelaziman. Jika lazimnya sesuatu perkara itu dilihat lebih memberikan kebaikan, maka dilihat sebagai *masalahah* begitu juga sebaliknya jika sesuatu perkara itu lazimnya dilihat lebih membawa keburukan, maka dikategorikan sebagai mafsadah.

¹⁵⁸ Mahmood Zuhi Ab Majid & Paizah Ismail (2004) *Pengantar Syariah*. Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation Sdn. Bhd. h. 179.

¹⁵⁹ Ibid.

¹⁶⁰ Ibid.

¹⁶¹ Surah al-Mu'minun (23): 71.

Klasifikasi al-Maqasid al-Syari'ah atau boleh dikatakan sebagai pembahagian *masalah* dicerakin kepada tiga iaitu kepentingan (*al-Daruriyyah*), keperluan (*al-Hajiyyah*) dan kemewahan (*al-Tahsiniyyah*). Kepentingan hidup (*al-Daruriyyah*) ini menentukan hidup mati manusia iaitu mencakupi kemaslahatan agama dan dunia. Tanpanya, kemaslahatan dunia akan musnah malah nikmat akhirat juga tidak dikecapi dan mengalami kerugian.¹⁶²Di dalam penentuan keutamaan antara ketiga-tiga pembahagian teori kebajikan ini, al-Syatibi telah menyusun lima kaedah:¹⁶³

- 1) Kepentingan asas sebagai asas kepada keperluan biasa dan keperluan mewah.
- 2) Kerosakan kepentingan asas menyebabkan keperluan yang lain turut rosak.
- 3) Kerosakan keperluan lain tidak semestinya boleh merosakkan kepentingan asas.
- 4) Kerosakan keperluan biasa atau keperluan mewah kadang-kadang boleh menyebabkan kerosakan pada kepentingan asas.
- 5) Wajib menjaga keperluan biasa dan keperluan mewah bagi tujuan menjaga keperluan asas.

Kepentingan-kepentingan hidup tersebut dikenali sebagai *al-Daruriyyat al-Khams*. Tertibnya bermula daripada kepentingan menjaga agama (*Hifz al-Din*), menjaga nyawa (*Hifz al-Nafs*), menjaga keturunan (*Hifz al-Nasl*), menjaga harta (*Hifz al-Mal*) dan menjaga akal (*Hifz al-'Aql*). Kesemua lima perkara tersebut sebenarnya berkait rapat dengan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Malah, jika diperhalusi, kepentingan menjaga alam sekitar (*Hifz al-Bi'ah*) merangkumi kesemuanya dan semua masalah di atas

¹⁶² Al-Syatibi, jil.2, h. 8

¹⁶³ Al-Syatibi, (1997), *op. cit.*, h. 331

tidak dapat dijaga jika tidak menjaga alam sekitar.¹⁶⁴ Bagaimana mahu menjaga agama jika alam sebagai tempat ibadat ini tercemar? Bagaimana mahu menyelamatkan nyawa jika air sebagai sumber kehidupan bersisa toksik, ozon menipis yang menyebabkan pelbagai penyakit. Bagaimana mahu menjaga keturunan jika alam sudah musnah untuk diwarisi generasi akan datang dan begitulah seterusnya.

2.4.2 MAKSIM PERUNDANGAN ISLAM (*QAWA'ID FIQHIYYAH*).

Terdapat beberapa qawa'id fiqhiyyah atau maksim perundangan Islam yang relevan untuk dijadikan sandaran dalam mengawal pencemaran air. Pencemaran air dianggap sesuatu yang memudaratkan. Justeru, maksim-maksim berkaitan *darurah* boleh diaplikasikan dalam menjalankan strategi penguatkuasaan mahupun dijadikan rujukan kepada hakim dalam membuat keputusan bagi menjatuhkan hukuman kepada pesalah jenayah alam sekitar. Maksim-maksim berikut adalah:

a) الضرر يزال

Maksim ini memberi maksud bahawa sesuatu yang boleh mendatangkan bahaya atau kemudaran mestilah dihindarkan. Kemudaran yang dimaksudkan adalah kemudaran umum dan khusus.¹⁶⁵ Setiap individu tidak dibenarkan melakukan kerosakan terhadap diri sendiri apatah lagi kepada orang lain begitu juga dengan alam sekitar. Ianya bersandarkan kalamullah:

“Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah

¹⁶⁴ Hussein Muhammad (2007) “Manusia dan Tugas Kosmiknya Menurut Islam” dalam Fachruddin M. Mangunjaya (ed.) *Menanam Sebelum Kiamat: Islam, Ekologi dan Gerakan Lingkungan Hidup*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, h. 3.

¹⁶⁵ Al-Burnu, Muhammad Sidqi Ahmad (2003), *Mausu'ah al-Qawa'd al-Fiqhiyyah*. Tab'ah 1. Beirut: Mu'assasah al-Risalah. h. 261.

kepadanya dengan perasaan bimbang (seandainya tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya dimakbulkan). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat dengan orang yang memperbaiki amalannya”

Surah al-A'raf (7): 56)

b) درء المفسد مقدم على جلب المصلح

Maksim ini menekankan aspek pertimbangan. Ianya bermaksud, apabila bertembung kerosakan dengan kebaikan, mencegah kerosakan hendaklah diutamakan.¹⁶⁶ Projek pembangunan memang banyak memberi kebaikan dan kesejahteraan hidup. Namun, manusia perlulah membuat pertimbangan agar kebaikan dapat dikekalkan dan dinikmati setiap generasi. Tidakkah dinamakan pembangunan jika pencemaran dan bencana alam menjadi taruhan dan manusia sendiri menerima akibatnya. Konsep *sustainable development* yang ditetapkan dalam Agenda 21, *United Nation Conference on Environment and Development* di Rio 1992 merupakan model pembangunan moden yang proaktif dan praktikal bagi mempertimbangkan antara pembangunan dan perlindungan alam sekitar sejajar dengan maksim di atas.¹⁶⁷

c) الضرر لا يزال بضرر مثله

Maksudnya: sesuatu bahaya tidak boleh dihilangkan dengan bahaya seumpamanya apatah lagi bahaya yang lebih besar.¹⁶⁸ Maksim ini sinonim dengan hadis riwayat Ibn Abbas لا ضرر ولا ضرار. Isu pembinaan incinerator di Broga Semenyih, Selangor yang

¹⁶⁶ Ibid., h. 315.

¹⁶⁷ Mohd Takiyuddin Ibrahim, et.al. “Aplikasi Kaedah Fiqh dalam Pemuliharaan Alam Sekitar: Kajian Kes Program Kitar Semula di Seksyen 20, Shah Alam, Selangor” dibentangkan dalam *Prosiding Seminar Fiqh dan Pemikiran Islam Lestari* pada 29-30 Oktober 2008. hh.197-201.

¹⁶⁸ Al-Burnu, *op. cit.* h. 257.

merupakan suatu sistem pelupusan sampah melalui pembakaran berteknologi tinggi (Thermal Treatment Plant) ini tidak diteruskan. Selain menerima bantahan orang awam dan NGO, incinerator ini meliputi kawasan seluas 265 hektar yang akan memusnahkan habitat. Unsur pembaziran sangat ketara kerana ianya menelan kos RM 1.5 billion. Malah, pembaziran tenaga juga berlaku kerana suhu yang diperlukan untuk membakar juga sangat tinggi sekitar 500-600 darjah celcius. Di samping itu, walaupun tujuannya untuk mengelakkan pencemaran seperti pencemaran bau namun, pencemaran udara pula akan berlaku seperti jerebu dan gas dioksin yang dikaitkan dengan masalah kanser, kecacatan bayi dalam kandungan, masalah kulit dan mengganggu sistem reproduktif manusia. Malah, dioksin menyerap ke tanah dan air lantas mencemarkan tumbuhan, hasil tenusu dan ikan.¹⁶⁹

Isu yang berlaku di atas ini juga selaras dengan maksim yang lain iaitu:

إذا تعارض مفسدتان روعي أعظمهما ضرر بارتكاب أخفهما

“Apabila dihadapkan kamu dua bahaya, maka hindarilah bahaya yang lebih besar dengan menempuh bahaya yang lebih ringan”

d) تداخل ولي الأمر منوت بالمصلحة

Maksim ini bermaksud tindakan pemerintah hendaklah mengikut kebajikan rakyat. Maksudnya, tidak juga memberikan kerugian kepada rakyat. Malah, kebajikan rakyat merangkumi keseluruhan rakyat dan bukan kepada golongan tertentu sahaja. Contohnya projek-projek pembangunan di kaki-kaki bukit yang pastinya merosakkan habitat haiwan dan kebarangkalian berlaku bencana alam seperti tanah runtuh yang tinggi hendaklah disekat oleh pemerintah. Kita sering menuding jari kepada pemaju sahaja, namun, projek seperti itu hanya boleh diteruskan jika mendapat kelulusan pihak berautoriti. Konklusinya,

¹⁶⁹ Utusan Online: Julai 2006, Azrina Sobian: 2003.

pemerintah memainkan peranan penting sememangnya terlibat secara langsung segala bencana alam yang melanda akibat proses pembangunan yang tidak seimbang, tidak terancang dan tidak mampan.

e) المتعادي أفضل من القاصر

Maksudnya, maksim menekankan setiap amalan yang memberikan manfaat yang lebih meluas kepada masyarakat adalah dianggap lebih baik daripada amalan yang hanya memberikan faedah kepada individu. Amalan yang dimaksudkan adalah amalan fardu kifayah. Isu pencemaran alam sekitar merupakan masalah yang meluas ke peringkat global. Justeru, usaha memuliharanya adalah lebih diutamakan berbanding aktiviti pembangunan yang hanya menguntungkan pihak pemaju apatah lagi sekiranya projek pembangunan tersebut tidak memenuhi kriteria pembangunan mampan.

Kaedah-kaedah fiqh berikut ini juga membuat pertimbangan dalam perkara ini:

يتحمل الضرر الخاص لمنع الضرر العام

Ertinya: "Ditanggung kemudatan khas untuk menolak kemudatan yang umum. "

Justeru, dalam memutuskan kes, hakim tidak boleh memberi pertimbangan yang lebih kepada pengakuan salah daripada tertuduh. Kepentingan awam perlu diutamakan kerana pencemaran alam sekitar lebih membawa mudarat kepada kesihatan umum

berbanding denda yang dikenakan ke atas individu atau premis yang mencemarkan air. Berdasarkan kaedah-kaedah fiqh di atas, mana-mana rintangan yang didatangkan oleh masalah peribadi atau kumpulan yang kecil yang menghalang tercapainya kepentingan atau masalah orang ramai (umum), hendaklah diketepikan masalah peribadi atau kumpulan yang kecil itu.¹⁷⁰

2.4.3 HISBAH

Bagi menguatkuasakan undang-undang, Islam telah memperkenalkan institusi *hisbah* sebagai sistem yang memelihara kepentingan umum dan menguatkuasakan piagam serta undang-undang atau dalam istilah moden dipanggil institusi penguatkuasa. Ia berteraskan kepada firman Allah yang bermaksud :

“Kamu adalah sebaik-baik umat yang menyeru ke arah kebajikan, menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran dan mereka itulah orang-orang yang berjaya”

Surah Ali ‘Imran(3): 104

Perbagai definisi istilah hisbah namun kesemuanya berkisar *al-Amr bi al-Ma’ruf wa al-Nahy ‘an al-Munkar*. Al-Mawardi memberi definisi hisbah sebagai menyuruh kepada kebaikan apabila ternyata ia diabaikan dan mencegah kemungkaran apabila ternyata ia dilakukan.¹⁷¹ Ibnu Taimiyah memberi penakrifan pegawai hisbah sebagai petugas penyuruh kebaikan dan pencegah kemungkaran yang berlainan dengan tugas gabenor,

¹⁷⁰ Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (1998), Mufti Kerajaan, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. Lihat <http://infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=10987>. 2 Mac 2010.

¹⁷¹ Al-Mawardi, Abi al-Hasan ‘Ali (1989), *Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*. Tab’ah 1., Kuwait: Maktabah Dar Ibn Qutaibah. h. 315.

hakim, pegawai kewangan dan lain-lain kementerian.¹⁷² Ibn Khaldun mentakrifkan sebagai jawatan agama dalam bab menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran yang wajib ke atas pemerintah Islam dan memilih mereka yang layak untuk memegangnya dan membuat peraturan mengenainya.¹⁷³ Al-Ghazali dalam kitab *Ihya Ulumiddin* membahagikan lima cara penguasa hisbah membentaras kemungkaran iaitu melalui penerangan, nasihat serta peringatan yang lembut, mengherdik kata-kata keras yang boleh menyedarkan, mencegah dengan tangan dengan serta merta dan memberi ancaman yang menakutkan.¹⁷⁴ Badan pemerintah sangat diutamakan dalam Islam dalam pelbagai hukum substantif pemeliharaan alam sekitar. Institusi hisbah juga merupakan satu badan pentadbir dan perlu juga menekankan aspek *siyasah syar'iyah* yang mana polisinya perlu mengikut kepentingan dan pendekatan kontemporari yang sentiasa berubah-ubah¹⁷⁵ serta mengambilkira pengaruh lokaliti dalam menguatkuasakan undang-undang.

Dalam konteks mengawal pencemaran alam sekitar terutamanya air, pendekatan penguatkuasaan adalah faktor penting bagi melaksanakan undang-undang. Pihak penguatkuasa perlu mendapatkan bahan bukti untuk memudahkan pembuktian di mahkamah sekaligus membantu hakim dalam menjatuhkan hukuman yang sewajarnya. Kajian ini akan melihat bagaimana Jabatan Alam Sekitar yang merupakan agensi penguatkuasa pusat memainkan peranannya dalam melaksanakan kebajikan dan mencegah kemungkaran terhadap alam sekitar.

¹⁷² Mohd Rumaizuddin Ghazali, *Institusi Hisbah Pemangkin kepada kesejahteraan Masyarakat dan Negara* dalam laman web minda madani online-<http://www.mindamadani.my>. 10 Mac 2009.

¹⁷³ Ibid.

¹⁷⁴ Ibid.

¹⁷⁵ Ibn Qayyim al-Jauziyah, *op.cit.* h. 4.

2.4.4 HUKUMAH: TA'ZIR DAN QISAS

Hukuman *ta'zir*¹⁷⁶ dibahagikan kepada tiga iaitu *ta'zir* ke atas perbuatan maksiat, *ta'zir* ke atas kesalahan-kesalahan kecil (minor offences) dan yang ketiga iaitu *ta'zir* kerana menjaga masalah umum. *Ta'zir* yang ketiga ini merupakan hukuman *ta'zir* yang boleh dilaksanakan bagi kes pencemaran air kerana air yang tercemar memudaratkan kesihatan awam. Hukuman *ta'zir* juga dilaksanakan di Malaysia. Bagi kesalahan mencemarkan perairan daratan, menurut seksyen 25 AKAS 1974 denda yang dikenakan boleh mencapai RM100 000 dan penjara 5 tahun.

Namun, ada juga peruntukan hukuman mati bagi pencemaran air. Hukuman bunuh boleh dijatuhkan ke atas pencemar alam sekitar atau khususnya pencemar air yang mengakibatkan kematian. Merujuk kepada Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, Seksyen 121 memperuntukkan hukuman mati bagi kesalahan mengenai mencemarkan air. Adakah hukuman ini sejajar dengan Islam? Jawapannya, ianya masih selaras dengan undang-undang Islam. Berdasarkan Surah al-Ma'idah ayat 32 dan 33 menetapkan hukum *qisas* ke atas pembunuh yang sabit kesalahannya dan membolehkan hukum bunuh diimplimentasikan ke atas orang yang melakukan kerosakan di muka bumi.

Allah s.w.t sangat mengecam manusia yang berbuat kerosakan.¹⁷⁷ Al-Quran juga menceritakan kebinasaan bangsa terdahulu akibat tindakan mereka merosakkan alam.

¹⁷⁶ Istilah ini digunakan kepada kesalahan selain hudud dan qisas. Hukuman ini tidak ditetapkan oleh Syarak mengenai hak Allah atau hak manusia. Hukumannya bergantung kepada kebijaksanaan pemerintah dalam menjaga masalah dan mahkamah boleh menentukan bentuk hukumannya. Hukuman ini bertujuan untuk menghalang kesalahan daripada terus berlaku, memulihkan keadaan dan sebagai balasan. Jenis-jenis hukumannya seperti amaran, penjara, denda, buang daerah, sebat malah hukum bunuh.

¹⁷⁷ Surah al-Baqarah (2):60, 205; Surah al-A'raf (7): 56, 85; Surah al-Qasas (28): 88; Surah al-Syu'ara' (26): 183.

“...dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu kami tetapkan atas bani Israel bahawasanya sesiapa yang membunuh diri seseorang dengan tidak ada alasan yang membolehkan dia membunuh orang itu, atau melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya”.
Al-Maidah(5): 32

Ayat di atas menetapkan hukum qisas ke atas pembunuh yang sabit kesalahannya dan membolehkan hukum bunuh diimplimentasikan ke atas orang yang melakukan kerosakan di muka bumi.

“Sesungguhnya balasan orang yang memerangi Allah dan RasulNya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi adalah dengan balasan bunuh (kalau membunuh sahaja tanpa merampas) atau dipalang (kalau membunuh dan merampas) atau dipotong tangan dan kaki mereka secara bersilang(jika mereka merampas sahaja) atau buang negeri (jika mereka mengganggu ketenteraman awam)...

Al-Maidah(5): 33

Ayat-ayat di atas memanasifestasikan bahawa penggunaan “fasad” mempunyai korelasi rapat dengan unsur jenayah dan tort melalui pencerobohan terhadap nyawa, harta, keturunan, maruah dan ketenteraman awam.¹⁷⁸

¹⁷⁸ Sidi Ahmad Abdullah (1994), *op.cit.*, h. 102.

2.4.4 FALSAFAH, ETIKA DAN ESTETIKA.

Menurut falsafah Seyyed Hossein Nasr, tanggungjawab melindungi alam sekitar menurut Islam dibahagi kepada tiga bahagian iaitu tanggungjawab *'ubudiyyah*, tanggungjawab *khilafah* dan tanggungjawab *Amanah*.¹⁷⁹ Kesemua tanggungjawab ini sebenarnya bermula dari keimanan seseorang kepada Allah yang mencipta alam dan mentadbirnya dan hanya Allah sahaja yang layak disembah dan dipatuhi segala suruhanNya dan ditinggalkan segala laranganNya. Justeru, sebelum mengupas tiga tanggungjawab manusia kepada alam sekitar tersebut, adalah lebih baik penulis menerangkan dulu aspek aqidah dan tauhid yang menjadi asas kepada ketiga-tiga tanggungjawab tersebut.

(a) *Tawhid*.

Konsep aqidah (teologi Islam) berpaksi kepada *tawhid* iaitu mengesakan Allah sebagai pencipta alam dengan menghambakan diri kepadaNya. Konsep *tawhid* atau bahasa modennya sains metafizik Islam ini terbahagi kepada dua iaitu iaitu *tawhid rububiyyah* dan *tawhid uluhiyyah* yang saling berkaitan. *Tawhid rububiyyah* sangat rapat hubungannya dengan alam kerana menekankan pengesaan Allah sebagai *al-Rabb*, dengan meyakini hanya Allah Tuhan yang mencipta alam ini, yang memilikinya, yang mengatur perjalanannya, yang menghidup dan mematikan, yang menurunkan rezeki kepada makhluk, yang berkuasa mendatangkan manfaat dan menimpakan mudarat. Keyakinan terhadap Allah sebagai pentadbir alam ini pula perlulah diimplimentasikan melalui tanggungjawab *'ubudiyyah* yang ditekankan dalam konsep *tawhid uluhiyyah* yang

¹⁷⁹ S. H. Nasr (1991) *Islam and the Environment Crisis*. Kesturi 1 (2): 26-47.

merupakan salah satu daripada tiga tanggungjawab manusia yang dikaitkan dengan alam sekitar selain tanggungjawab *khalifah* dan *amanah*¹⁸⁰ yang saling berkaitan kerana alam ini merupakan amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah yang dipertanggungjawab menguruskan bagi mencapai tujuan-tujuan penciptaannya.¹⁸¹ Justeru, Allah memberikan obligasi kosmik kepada manusia sebagai khalifah yang memikul amanah terbesar ini. Pengetahuan kosmologikal juga sebenarnya merupakan sumber kerangka konseptual kesatuan antara sains dan pengetahuan spiritual. Al-Farabi mengatakan kosmologi sebagai suatu cabang ilmu metafizik dan berkait rapat dengan *tawhid*.¹⁸²

b) Amanah

Alam sekitar merupakan milik Allah¹⁸³ dan anugerah serta amanah Allah kepada manusia. Sumber-sumber semulajadi seperti hutan menjadi kawasan tadahan stok bekalan air tawar, lautan membekalkan sumber protein dan galian untuk pembangunan dan ketamadunan manusia. Peranan manusia menjaga bumi adalah lebih besar berbanding makhluk yang lain kerana kedudukan manusia lebih istimewa berbanding yang lain.¹⁸⁴ Malah, hanya manusia sahaja yang sanggup memikul amanah mentadbir alam setelah makhluk-makhluk lain menolaknya.¹⁸⁵ Allah menawarkan makhluk-makhluk lain seperti langit, bumi dan gunung untuk mentadbir alam ini tetapi kesemuanya tidak sanggup menerimanya kerana amat membebankan. Tugas sedia ada yang diamanahkan Allah sudah memadai maka lebih baik menolak tugas mentadbir alam sekitar kerana takut menerima

¹⁸⁰ Seyyed Hossein Nasr (1992), *An Introduction to Islamic Cosmological Doctrines*. Terj. Baharuddin Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 5.

¹⁸¹ Surah Al-Isra' (17):70.

¹⁸² Osman Bakar (2008) *Tawhid and Science*, Ed. Ke-2. Selangor: Arah Publications. Hh. 72-73.

¹⁸³ Surah Al-Baqarah (2): 284.

¹⁸⁴ Surah Al-Tin (95): 4.

¹⁸⁵ Surah Al-Ahzab (33): 72.

pembalasan jika gagal memikul amanah itu sebaiknya. Di dalam surah *al-Hasyr* ayat 21 menggambarkan gunung yang hancur berkecai apabila Allah menurunkan al-Quran ke atasnya. Ianya suatu menifestasi betapa beratnya amanah Allah yang wajib dipatuhi dan dilaksanakan segala perintahNya. Manusia pula berlaku zalim kerana mengabaikan perintah Allah dan merosakkan *sunnatullah* ciptaan alam walaupun memiliki potensi yang tinggi tetapi keistimewaan itu disalahgunakan untuk kemusnahan.¹⁸⁶

c) ***Khalifah***

Manusia sebagai khalifah yang memiliki potensi tinggi dalam mengurus alam dengan bijaksana kerana dicipta pada darjah yang paling sempurna, jika tidak menyedari potensi diri dalam melakukan kejahatan, kita boleh tersungkur ke darjah yang lebih hina dari haiwan. Perlantikan manusia sebagai khalifah bukan satu hak istimewa manusia tetapi amanah dan kepercayaan yang wajib dilaksanakan sebaik termampu.¹⁸⁷ Tugas khalifah mesti disertakan dengan nilai *tawhid*, *amanah*, *jariah*, *adil* dan *i'tidal*.¹⁸⁸ Dalam masa yang sama tanggungjawab '*ubudiyah* perlu berjalan seiring. Sebagai khalifah adalah menjadi kewajipan memakmurkan alam, mengekalkan keseimbangan dan mengurus segala kurniaanNya. Obligasi ini begitu kondusif kepada manusia kerana manusia mampu menimbang antara kehendak nafsu dan keperluan iman melalui akal yang rasional berpaksikan undang-undang yang ditetapkan Allah. Dalam tafsir al-Azhar menggariskan objektif kehidupan dunia iaitu mengabdikan diri kepada Allah, menjadi khalifah memakmurkan bumi, beramal soleh untuk bekalan akhirat.

¹⁸⁶ Surah Al-Baqarah (2): 30.

¹⁸⁷ Othman Abd-ar-Rahman Llewellyn (2007) "Disiplin Dasar Hukum Lingkungan Islami" dalam Fachruddin M. Mangunjaya (ed) *Menanam Sebelum Kiamat: Islam, Ekologi dan Gerakan Lingkungan Hidup*. Jakarta: Conservation International. h 117.

¹⁸⁸ Mohd Zuhdi Marsuki (2002), *Etika Alam Sekitar Menurut Perspektif Islam, Timur dan Barat*. Bentong: PTS Publication. hh. 118-135.

"Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi." Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui"

Surah al-Baqarah (2):30

Ibnu Jarir berkata, 'sebahagian ulama' mengatakan sesungguhnya para malaikat bermaksud mengatakan bahawa di antara keturunan Adam itu ada yang melakukan kerosakan. Pertanyaan itu bersifat meminta informasi dan hikmah. Maka Allah berfirman sebagai jawapan, "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui," iaitu Aku mengetahui *masalah* dalam penciptaan makhluk yang suka melakukan kerosakan seperti yang kamu nyatakan, dan *masalah* itu tidak kamu ketahui, kerana Aku akan menjadikan di antara mereka para nabi, rasul, orang-orang soleh, dan para wali.¹⁸⁹

d) *'Ubudiyyah*

Manusia sebagai hamba mestilah melakukan yang terbaik melalui ibadat dan adat dengan melakukan kebajikan kepada semua makhluk yang dicipta, dikuasai dan dimiliki secara mutlak oleh Allah. Dalam kewajipan solat dimulakan dengan surah al-Fatihah yang memuji Allah sebagai *rabb al-'Alamin* yang diterjemah sebagai tuhan sekalian alam, pencipta, penguasa dan pemelihara. Allah tidak menciptakan makhluk dengan sia-sia tetapi dengan kebenaran untuk kebenaran.¹⁹⁰ dan setiap satunya bertasbih kepadaNya.¹⁹¹ Jika ditelusuri ibadat khusus dalam rukun Islam, mengucap dua kalimah *shahadah* merupakan

¹⁸⁹ Abi al-Fida' Isma'il ibn 'Umar Ibn Kathir (1969) *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi. hh. 30-31. Lihat Surah Al-An'am (6):165; Surah Yunus (10):14.

¹⁹⁰ Surah Al-Dukhan (44):38-39; Surah Ali-'Imran (3): 191.

¹⁹¹ Surah Al-Isra' (17):44.

asas kepada konsep *tawhid*.¹⁹² Ibadat solat pula tidak dapat ditunaikan tanpa air mutlaq untuk berwudu,¹⁹³ begitu juga tumbuh-tumbuhan dan haiwan diperlukan untuk dijadikan pakaian bagi menutup aurat. Zakat pertanian misalnya merupakan satu manifestasi bahawa tumbuh-tumbuhan, haiwan, tanah dan air merupakan anugerah Allah yang tidak terhingga dalam bidang pertanian dan sangat berkait dengan ibadat. Dalam ibadat haji pula, Allah telah berfirman:

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah membunuh binatang buruan dalam keadaan kamu berhram."

Surah Al-Ma'idah(5):95

Selagi di dalam ihram, diharamkan kepada kamu membunuh binatang buruan kecuali binatang liar yang mengancam keselamatan dan nyawa kamu termasuk ular, kala jengking, burung helang, tikus dan seumpamanya . Disebut di dalam hadis yang sahih, sabda Nabi s.a.w yang bermaksud :

"Ya Allah Ya Tuhanku, sesungguhnya Ibrahim mengharamkan Makkah dan sesungguhnya aku mengharamkan Madinah seumpama Makkah."

Maka, dapatlah difahami di sini bahawa, alam sekitar sememangnya mempunyai pertalian rapat dengan elemen kerohanian kerana alam sekitar adalah medium penghubung manusia dan Allah s.w.t. Tanpa komponen alam sekitar maka ia menjejaskan ibadat kita kepada Allah s.w.t. yang mencipta alam sekitar yang indah dan seimbang ini.

¹⁹² Osman Bakar (2007), *op. cit.*, h.27.

¹⁹³ Surah Al-Anfal (8):11.

Pendekatan Etika dan Estetika

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat prinsip yang menyentuh tindakan beretika (*ethical treatment*) untuk alam sekitar dan dijemakan dalam bentuk undang-undang.¹⁹⁴ Etika alam sekitar juga merupakan satu disiplin ilmu yang hangat dibincangkan kerana didapati masalah kemusnahan alam berpunca daripada masalah moral maka penyelesaiannya juga mestilah melalui nilai moral¹⁹⁵ sepertimana prinsip pertama Dasar Alam Sekitar Malaysia iaitu Pengawasan Alam Sekitar yang menekankan aspek menghormati dan prihatin terhadap alam sekitar mengikut standard moral dan etika yang tertinggi.¹⁹⁶ Dalam Islam, ianya sinonim dengan konsep akhlak. Secara fitrahnya, manusia sentiasa inginkan kebaikan dan keindahan. Namun, manusia sering mengeksploitasi sumber alam sehingga lebih banyak digunakan berbanding jumlah yang diimbuh atau dikeluarkan secara semulajadi. Manusia diberi hak memanfaatkan alam tetapi diperintahkan juga untuk memanfaatkannya dengan penuh etika. Pencurian, penipuan, monopoli, eksploitasi, materialistik, egoisme amat ditegah dalam Islam kerana akhirnya akan merugikan diri sendiri.¹⁹⁷

Etika penjagaan alam sekitar ketika peperangan misalnya, Nabi Muhammad melarang umatnya menebang pokok dan membakar tanaman kecuali keadaan yang benar-benar memaksa supaya berbuat demikian. Selain itu, kita juga diajarkan sifat-sifat mahmudah. Dengan sikap *qana'ah* dan bersyukur yang diajarkan oleh Islam, ianya

¹⁹⁴ S. H Nasr, (1991) *op.cit.*, h.45.

¹⁹⁵ Alastair S. Gunn (2008), *op.cit.*

¹⁹⁶ Mohd Bakri Ishak dan Azmi Sharom (2007), *op. cit.* h. 7.

¹⁹⁷ Husein Muhammad, *op.cit.*, h. 5. Lihat Surah al-Baqarah (2):188; Surah al-Ma'idah (5): 18; Surah al-Hasyr (59): 7; Surah al-Ma'un(107): 1-7.

mengajar manusia menggunakan sumber alam sekadar keperluan, tidak membazir¹⁹⁸ dan mensyukuri nikmat yang diberi dan tidak tamak demi kehendak material sedangkan Islam menganjurkan sikap *ta'awun* antara satu sama lain dan bukannya untuk kepentingan diri semata-mata. Fungsi sosial atau konsep *takaful* (saling bantu membantu) dapat dilihat melalui konsep '*hima*' (penjagaan) antara satu makhluk dan ke satu makhluk yang lain. Sikap *mahabbah* dan *ihsan* pula memupuk manusia menyayangi sesama makhluk dan alam sekitar serta menghindar dari tindakan zalim ke atasnya.¹⁹⁹ Melalui konsep ihsan, manusia akan menjadi lebih berhati-hati dalam setiap gerak dan tindak kerana sentiasa memegang prinsip bahawa Allah sentiasa mengawasi tingkah laku kita sama ada tindakan zahir atau tersembunyi. Sifat tamak (*takathur*) akan memakan amalan kebajikan dan sifat inilah yang mendorong kepada eksploitasi dan pembaziran (*israf*) dan seterusnya mengancam kemampuan hidupan.²⁰⁰

Dalam epistemologi undang-undang Islam menegaskan bahawa alam semulajadi memiliki sifat kesempurnaan dan nilai estetika yang tinggi. Al-Quran memmanifestasikan keindahan semulajadi semua ciptaan begitu juga Al-Sunnah yang memberi inisiatif kepada kita tentang pengalaman estetik dan kesenian membina gaya hidup yang harmoni.²⁰¹ Semua yang wujud sama ada diketahui atau tidak mempunyai dua entiti atau polariti yang saling bertentangan sifatnya²⁰² dan saling memerlukan. Sifat kesimetrian (*mizan*)

¹⁹⁸ Surah al-Furqan (25):67.

¹⁹⁹ Yusof Al-Qaradhawi, *al-Iman wa al-Hayah*, terj. HS Fachriddin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hh. 19-21.

²⁰⁰ Abd al-Hamid (1997) "Exploring The Islamic Environmental Ethics" dalam A. R. Agwan (ed.) (1997) *Islam and Environment*. Kuala Lumpur: Synergy Book International. hh. 55-59.

²⁰¹ Ahmad Ar-Raisouni (1999) "Aesthetic Education and Its Repercussions on The Preservation of Nature" dalam Ahmad Ar-Raisouni (1999) *Environmental Studies Some Problems Analyzed from The Islamic Point of View*. Morocco: ISESCO. hh. 12-16.

²⁰² Surah Yasin (36):36.

melengkapkan peredaran sistem alam semesta. Keadaan ini membawa pula kepada keseimbangan (*tawazun*) iaitu suatu fenomena yang tidak melampau.²⁰³ Sebagai suatu rahmat, alam ini dicipta penuh kesegaran (*nasim*) dan digambarkan melalui kedinginan angin, hujan²⁰⁴ dan kehijauan tumbuh-tumbuhan.²⁰⁵ Alam ini juga bersifat *salah, hasan*²⁰⁶ dan *jamal*²⁰⁷ dan menjadikan dunia ini sebagai *zinah*.²⁰⁸

Justeru, bagi memastikan kesempurnaan ciptaan alam ini berkekalan, Allah telah menjelaskan objektif penciptaan ini agar manusia sedar mengenainya. Penciptaan alam merupakan dalil kewujudan Allah.²⁰⁹ Sifat *al-Wujud* dibuktikan melalui penjelasan al-Quran (*ayat al-Maqrū'ah*) dan kejadian alam semesta (*ayat al-Manzūrah*). Kewujudan Allah s.w.t adalah kewujudan mutlak manakala kewujudan alam semesta tertakluk kepada kehendak (*iradah*) Allah. Alam ini juga merupakan medium perantara untuk mempelajari sesuatu atau menuntut ilmu Allah²¹⁰ mencakupi ilmu matematik, fizik dan metafizik, saintifik dan spiritual, kualitatif dan kuantitatif, praktikal dan estetika.²¹¹ Malah, dengan ilmu juga martabat manusia dibezakan dengan makhluk yang lain.²¹² Alam ini secara jelasnya merupakan manifestasi kepada (آيات الله). Di sini jugalah tempat beribadah, malah

²⁰³ Surah Al-Rahman (55): 7-9.

²⁰⁴ Surah Al-A'raf(7):57; Surah Al-Rum(30):46; Surah Al-Hajj (22):5.

²⁰⁵ Surah Taha (20):53; Surah Al-An'am (6):99.

²⁰⁶ Surah Al-A'raf (7):56 & 85; Surah Al-Sajadah (32):7.

²⁰⁷ Surah Al-Nahl (16):6; Surah Al-Hajj(22):5.

²⁰⁸ Zaini Ujang (ed.) (1993) *Islam dan Alam Sekitar*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar. hh. 25-28; Lihat Surah al-Furqan (25): 2; Mohd Zuhdi Marsuki (2002), *op. cit.*

²⁰⁹ Surah Yunus(10):31.

²¹⁰ Surah Ali-'Imran(3):191-192.

²¹¹ Osman Bakar (2008) *Tawhid and Science*. Kuala Lumpur: Secretariate for Islamic Philosophy and Science. hh. 62.

²¹² Surah Al-Baqarah (2):30-32.

seluruh unsur alam juga beribadat kepada Allah dengan berzikir.²¹³ Sesungguhnya penciptaan alam semesta bersifat sementara (*fana'*) sebagai tempat menilai ketaqwaan di kalangan manusia untuk kehidupan yang kekal (*baqa'*) dan untuk menilai siapa yang paling baik amalannya²¹⁴ dan memberi ruang dan peluang manusia membuat kebaikan sesama makhluk termasuklah flora dan fauna. Manusia juga boleh memanfaatkan alam ini bagi mengisi keperluan hidup manusia.²¹⁵ Namun, alam semesta ini milik Allah dan perlulah menggunakan atau membangunkan dengan mampan tanpa memusnahkannya.

2.5 KESIMPULAN

Konsep alam sekitar dalam Islam bukan hanya mencakupi aspek fizikal tetapi spiritual. Justeru, dalam menyelesaikan krisis alam sekitar seperti pencemaran, ianya bukan hanya perlu diselesaikan secara fizikal tetapi juga melalui nilai-nilai spiritual. Krisis pencemaran berpunca dari etika manusia dan penyelesaiannya juga mestilah dari aspek etika dan ini sejajar dengan firman Allah yang menyatakan bahawa kerosakan bumi ini berpunca dari manusia. Aspek etika dan nilai-nilai estetika ini merupakan perkara asas dalam sistem kehidupan Islam iaitu aspek akhlak. Namun, nilai-nilai spiritual yang dimaksudkan bukan hanya aspek etika tetapi juga aqidah dan aspek inilah yang gagal diasimilasi dalam diri manusia umumnya tanpa menyedari bahawa alam sekitar merupakan medium perantara yang penting antara manusia dan Tuhannya.

Daripada enam puluh tiga ayat-ayat al-Quran tentang air, Allah telah menunjukkan kepentingan air kepada manusia dan cara menggunakannya dengan berhemah demi kelestarian alam sekitar, pembangunan dan kemajuan ekonomi serta kesinambungan

²¹³ Surah Al-Hasyr (59):1.

²¹⁴ Surah Hud (11):7.

²¹⁵ Surah Al-Baqarah (2):29.

kehidupan. Perbahasan para fuqaha' tentang pembahagian jenis-jenis air, standard *taharah* dan *najasa* sangat signifikan terhadap kawalan kualiti air kerana ianya berdasarkan dalil-dalil naqli. Walaupun diakui bahawa standard ini begitu umum dan memberi fokus kepada aspek fizikal sahaja dek kerana masalah pencemaran air tidak begitu kompleks seperti sekarang ini, standard yang ditetapkan dalam undang-undang Islam tetap relevan sehingga kini dan tidak bertentangan malah wujud persamaan dalam segenap aspek. Melalui perkembangan sains dan teknologi kontemporari menjadikan standard kualiti air kini begitu spesifik parameternya dari aspek fizik, kimia dan biologinya. Daripada kes-kes yang dianalisis, tidak wujud percanggahan antara kedua-dua standard kualiti ini kerana matlamat utamanya tetap sama iaitu menjaga kesihatan sejagat dan kelestarian alam sekitar.

Umumnya, dalam undang-undang Islam, air turut dibincangkan dari perspektif hak. Semua makhluk mempunyai hak yang sah di sisi syara' untuk akses kepada air yang mencukupi dan memiliki standard kualiti yang bersesuaian dengan penggunaan. Hak-hak ini meliputi hak minum, hak menyiram, hak perparitan dan hak penyaluran air. Prinsip yang ditekankan dalam pengagihan air adalah keadilan dan juga merujuk kepada persetujuan ramai bagi mengelakkan sebarang pertikaian. Apa yang didapati adalah, aspek-aspek hak terhadap air ini banyak berkisar pengurusan kuantiti air. Hal ini mungkin kerana faktor krisis tempatan yang dialami di kawasan-kawasan padang pasir yang sukar untuk mendapatkan kuantiti air yang mencukupi untuk pelbagai tujuan dan masalah kualiti air masih belum rumit kerana masalah pencemaran tidak begitu ketara. Hak-hak air ini masih dibincangkan sehingga kini kerana masih ramai mangsa keputusan bekalan air terutama di negara-negara yang menerima taburan air yang rendah seperti di Timur Tengah dan Afrika sehingga krisis kekurangan air ini mencetuskan peperangan. Malaysia juga perlu

mengambil berat kerana isu bekalan air Malaysia-Singapura juga masih menemui jalan buntu untuk mencari penyelesaian terbaik. Justeru, isu berkaitan air rancak dibincangkan dari perspektif hak asasi di peringkat antarabangsa. Antara konsep lain berkaitan pengurusan air adalah harim dan hima. Harim terutamanya *harim nahr* atau rezab sungai turut berperanan untuk mengawal kualiti air. Konsep hima pula menekankan aspek perlindungan hutan yang merupakan kawasan tadahan hujan yang menjadi sumber air utama sangat praktik diamalkan dalam mengawal kualiti dan kuantiti air sehingga kini.

Undang-undang Islam merupakan undang-undang alternatif terbaik dalam menyekat pencemaran air. Al-Quran, al-Hadith dan sumber-sumber perundangan Islam yang lain banyak menyebut secara menyeluruh dan bersepadu tentang polisi dan pengurusan kualiti serta kuantiti air. Seperti yang dinyatakan di dalam bab dua metodologi *fiqh al-Bi'ah* merangkumi dua aspek iaitu deduktif dan induktif. Pendekatan deduktif bermula daripada konklusi komprehensif yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis s.a.w dan perbahasan dalam khazanah fiqh. Bagi menentukan hukum fiqh melalui metodologi usul fiqh, konsep *al-Amr (commands)* dan *al-Nahy (injunctions)* wajar diaplikasikan. Perintah (*i'mar* dan *taskhir*) mengimarahkan dan membangunkan alam sekitar ini perlu dilaksanakan secara mampan begitu dan ianya sejajar dengan konsep pembangunan mampan yang diperkenalkan di peringkat global. Terdapat banyak larangan Allah di dalam al-Quran terhadap perbuatan melakukan kerosakan di bumi begitu juga hadis nabi yang melarang melakukan pencemaran di tempat awam dan di air walaupun dengan air kencing apatah lagi jika dicemari bahan-bahan yang lebih membahayakan kesihatan seperti yang banyak terjadi sekarang ini iaitu dicemari oleh logam-logam berat. Manakala, pendekatan induktif dimulakan daripada data-data kajian lapangan tentang dasar, langkah, tindakan dan strategi

manusia atau pihak berwajib berkaitan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar menerusi pendekatan *maslahah* dan *mafsadah*. Dan inilah yang dilakukan oleh penulis dan mendapati bahawa keputusan-keputusan mahkamah dalam menimbangtara kes-kes pencemaran air perlulah memberi proriti kepada kepentingan awam (*maslahah 'ammah*) berbanding kepentingan peribadi (*maslahah khassah*).

Sistem perundangan Islam begitu komprehensif. Selain menguatkuasakan undang-undang substantif oleh institusi *hisbah* oleh *muhtasib*, perundangan Islam menekankan beberapa aspek asas seperti falsafah dan etika perundangan menerusi metodologi perundangan yang tetap pada ketetapanannya dan fleksibel serta dinamik mengikut keadaan. Perundangan Islam juga unik kerana mempunyai maksim perundangan tersendiri dan hukumannya yang adil yang mampu mencegah daripada kesalahan dari terus dilakukan dan mendidik pesalah serta masyarakat umum. Kesemua sistem perundangan Islam ini akan dikupas dari perspektif mengawal kesalahan mencemarkan air seperti sungai. Metodologi undang-undang Islam yang berteraskan *maqasid al-syari'ah* perlu dijadikan rujukan dalam membuat keputusan terhadap kes-kes pencemaran yang perlu memberi keutamaan dari aspek *maslahah 'ammah*. Dalam kesemua kes yang dianalisis, dalam menjatuhkan hukuman bagi kesalahan pencemaran air daratan, perkara utama yang dipertimbangkan oleh hakim-hakim mahkamah adalah kepentingan awam atau *maslahah 'ammah*. Konsep *maslahah* terutamanya *maslahah daruriyyah* yang membincangkan aspek *al-daruriyyah al-khamsah* yang terdiri daripada aspek menjaga agama (*hifz al-din*), menjaga nyawa (*hifz al-nafs*), menjaga keturunan (*hifz al-nasl*), menjaga harta (*hifz al-mal*) dan menjaga akal (*hifz al-'aql*) yang mana kesemua lima perkara tersebut sebenarnya berkait rapat dengan kepentingan menjaga alam sekitar (*hifz al-bi'ah*). Kesemua

kepentingan di atas tidak dapat dijaga jika tidak menjaga alam sekitar. Pelbagai maksim perundangan Islam juga begitu praktikal diaplikasikan dalam membuat timbangtara penghakiman yang mencegah daripada melakukan kemudaran dengan polisi dan prioriti tersendiri dalam menimbangkan perkara-perkara yang melibatkan aspek menghasilkan kebajikan dan menghilangkan kemudaran. Institusi penguatkuasaan Islam yang dipanggil hisbah juga didapati dipraktikkan sehingga kini. Jabatan Alam Sekitar merupakan badan penguatkuasa yang sentiasa memantau kualiti air dan menjalankan pemeriksaan di premis-premis yang didapati mencemarkan sungai.